

Baptize by Blazing Fire

Baptisan oleh Api Berkobar

by *Pastor Yong-Doo Kim*

Ringkasan : Ini hanyalah contoh pendek buku tersebut. Sejumlah peristiwa, pertemuan, butiran dan visi tidak termasuk dalam versi ringkas ini. Untuk versi yang lengkap sila beli buku tersebut di Amazon.com.

Semasa dalam 30 hari doa berterusan pada waktu tengah malam di gereja kecil di Korea, jemaatnya mengalami kebangunan/kebangkitan rohani yang sungguh luar biasa. Dengan tangan mereka yang diangkat tinggi, dan berdoa sepanjang malam, ahli jemaat dibukakan mata roh mereka dan dalam masa yang sama mereka dapat melihat visi, kesembuhan, mengalami pendedahan peperangan rohani, dan pertemuan dengan Yesus. Dengan mata rohani mereka yang terbuka, mereka sebenarnya dapat melihat pertempuran syaitan/iblis-iblis yang mengambil kedudukan semasa mereka berdoa. Mereka ditunjukkan bagaimana syaitan/iblis cuba untuk mengalihkan perhatian kita, menakutkan kita dan menyesatkan/menipu kita semasa kita berdoa. Semua penipuan syaitan dalam buku tersebut digunakan untuk membuatkan mereka berhenti untuk berdoa. Mereka berdepan dan bertempur dengan naga yang banyak, raja syaitan, malaikat palsu, Kristus yang palsu, syaitan yang mencari simpati, pontianak, roh jahat yang menyamar sebagai wanita yang cantik, dan sebagainya. Mereka juga dibawa ke Syurga dan neraka banyak kali oleh Yesus. Ianya terungkap bahawa doa syafaat tengah malam, (dengan pemberian bahasa roh), adalah waktu pendedahan yang amat sukar dan bermanfaat untuk berdoa. Terdapat 5 siri buku dan ini adalah buku siri #1. (Ilustrasi disertakan, dan bukan sebahagian daripada buku yang tulin)

Daripada Yesus kepada Pastor Kim :

“Mulai daripada sekarang, apapun pengalaman kamu dan apa yang jemaatmu lihat, kamu harus dokumentasikan/bukukan dengan betul apa yang kamu lihat dan dengar. Melalui ini, Aku berkeinginan agar semua gereja di Korea dan seluruh dunia bangun. Ini adalah sebab kenapa kamu dibawa ke dunia ini... Pada masa sekarang gereja-gereja di Korea dan kehidupan setia jemaat secara luaran dan dalaman bertentangan dengan apa yang Aku inginkan daripada mereka, para pemimpin pastor dan ahli gereja menyembah Aku dalam suasana yang penuh formal dan mengenali Aku hanya melalui teori bertulis.”

Pastor Kim :

Jemaat kami mempercayai kuasa berbahasa roh, jadi kami berupaya berdoa dengan lebih lama, lebih bersungguh-sungguh, dan dengan lebih mendalam. Berdoa dalam berbahasa roh juga membantu kita berdoa dengan lebih banyak perhatian, dan ini juga datang dengan keupayaan luar biasa yang membuka mata rohani kita. Proses untuk mata roh bagi seseorang individu terbuka bukan hanya sukar, tetapi seseorang itu harus melepasi/mengharungi banyak halangan. Dengan itu, jika kamu dengan cuai nya pelupa dan secara tidak cukup diperlengkapi, kamu akan membayar mahal akibat tersebut. Sekarang kami, benar-benar mempersiapkan diri membuat serangan balas dengan berhati-hati menyediakan diri kami dengan pujian(sembah), memenuhi hati kami dengan Firman Yesus, dan bersungguh-sungguh mencari dengan menangis kepada Tuhan.

Syaitan bawahan datang secara sendiri-sendiri. Jika satu gagal/jatuh, dua atau lebih yang akan datang; kemudian mereka akan datang menyerang dengan kumpulan 10, 30, 50, 100 dan mungkin dengan jumlah yang lebih besar lagi. Kumpulan tersebut berulang-ulang menyebar dan bergabung untuk menyerang bergantung kepada keadaan. Jika satu diusir keluar dengan doa, roh iblis akan bergerak ke sasaran yang lain dengan cubaan, memperolok-olokkan, menggoda dan kadangkala dengan bisikan bicara manis. Akhirnya, bila identiti mereka terbongkar, mereka dengan serta merta melarikan diri. Syaitan bawahan akan menjelma dihadapan kita dengan pelbagai penampilan. Kadang-kadang mereka cuba untuk memikat kami dengan menyamar sebagai seorang penghibur yang terkenal, budak kecil yang tidak berdosa, Yesus yang palsu atau dengan menyamar sebagai malaikat terang. (2 Korintus 11:14). Mereka juga membuat kami dalam situasi keliru bila dengan sempurnanya menyamar sebagai anak perempuan saya sendiri. Kami berjuang dan menang, tetapi kadang-kadang kalah, banyak pertempuran melawan roh-roh jahat. Dengan kekalahan kami, ianya mendatangkan kesakitan pada tubuh jasmani kami. Kesakitan tersebut amat menyakitkan sehingga kami berguling-guling dan jatuh ke lantai banyak kali. Bila kami berdepan dengan syaitan yang tidak teruruskan ketakutannya, Tuhan kita mengarahkan Malaikat Mikael dan Malaikat Syurga untuk membantu kami. Tuhan kesayangan kita memberi jaminan kepada kami bahawa kami tidak keseorangan bila kami memanggil Malaikat Syurga untuk menyokong kami setelah kami tumbang/jatuh keletihan berikutan pertempuran yang telah dilalui.

Yesus mengingatkan kami agar melengkapkan diri kami dengan doa harian (Markus 9:29). Ianya penting untuk mempunyai kebiasaan berdoa. Yesus menggambarkan betapa pentingnya berdoa dalam persetujuan 2 atau lebih saksi (Matius 18:19). Kuasa kejahatan tidak akan keluar/lari dengan lemah lembut. Malah, mereka meninggalkan bekas luka dan kesakitan tersebut berterusan.

Pada 2005, motto kami adalah ” Dihidupkan/diangkat melalui doa,” dan kami memulakan berdoa secara rally pada 2hb Januari. Ianya berlansung selama 30 hari. Sejumlah 10 orang ahli yang terlibat. Pada hari pertama, selepas penyembahan pada petang Hari Minggu, kami mempunyai pelayanan doa. Pada hari kedua (3hb Januari) kami merasakan hadirat Roh Kudus yang cukup kuat. Doa-doa kesatuan serta doa-doa secara peribadi individu meledak dengan tidak dapat dikawal dan berterusan sehingga jam 7.30 pagi pada pagi yang berikutnya. Setelah pelayanan doa selesai, kami berkumpul dalam satu bulatan untuk mendengar kesaksian dan apakah perasaan/rasa berjumpa Yesus. Masa pelayanan doa kami semakin lama semakin panjang waktunya. Pelayanan petang hari Rabu bermula pada 7.30mlm, tetapi selesai hampir jam 8.00pg pada pagi berikutnya. Hari Khamis, dari jam 9mlm hingga 10pg hari berikutnya.

Tuhan benar-benar menterbalikkan fikiran kami. Semakin banyak kami berdoa, semakin banyak hal-hal yang menarik yang Tuhan tunjukkan kepada kami. Walaupun pelayanan kami berlangsung semalaman, tiada sesiapa yang merungut/mengadu. Malahan, mereka merindukan lebih banyak lagi makanan rohani. Tuhan datang melawat kami semasa kami berdoa. Kami melihat Dia melalui mata roh kami, tetapi ada masanya kami dapat melihat Dia dengan jelasnya menggunakan mata fizikal kami.

Setelah mereka mengalami perjumpaan dengan Yesus, mereka dibebaskan daripada ketidaktaatan dan diubah menjadi pelayan yang penurut dan setia. 2 daripada ahli kami, setelah melihat Syurga dan neraka, mereka menangis dan berlutut meminta pengampunan kerana ada ketika dahulunya mereka memperlakukan saya. Dalam keadaan cuaca yang takat beku mereka keluar untuk berkongsi Injil sambil mereka meniupkan haba kehangatan ke telapak tangan mereka. Mereka keluar pada jam 4.00ptg dan tidak akan kembali sehingga jam 8.30mlm, dengan tangan dan kaki mereka sejuk beku. Mereka tahu bahawa mereka harus rajin kerana mereka melihat harta mereka ditambahkan di Syurga. Meena, seorang budak perempuan yang berusia 5 tahun, berdoa dalam bahasa roh dengan mengangkat tinggi kedua-dua tangannya sehingga 2-3jam! Jemaat kami menerima karunia ilahi dalam nubuat, roh yang tahu pembezaan, berbahasa roh, pengetahuan, kebijaksanaan dan iman ilahi.

Tiada kandungan yang dipalsukan dalam buku ini, hanya pengalaman peribadi ahli yang terlibat dengan doa rally tersebut.

Ahli-ahli gereja Lord's Church : [Pastor Kim]] [Kang, Hyun-ja] [Kim, Joseph] [Kim, Joo-Eun] [Sister Baek, Bong-Nyo] [Lee, Haak-Sung] [Lee, Yoo-Kyung] [Meena] [Oh, Jong-Suk] [Deaconess Shin, Sung-Kyung] [Oh, Jung-Min]

==== HARI PERTAMA ====

==== HARI KEDUA ====

Pastor Kim:

Dengan campur tangan khas Roh Kudus, ianya seperti kami terbakar semasa kami berdoa. Walaupun ianya berakhir 7pg pada pagi berikutnya, apa yang kami rasakan masih tidak mencukupi

Lee, Yoo-Kyung:

Saya dalam kerinduan yang amat mendalam dan dengan penuh segala keupayaan saya memanggil Tuhan, ” Yesus, Yesus aku cinta/mengasihi Mu. Izinkan aku melihat Mu. Menjelmalah kepadaku.” Saya berteriak dan berdoa dengan bersungguh-sungguh dalam bahasa roh. Setelah hampir sejam masa berlalu bila tiba-tiba ada cahaya ayng terang bederang menyinari, dan ada seseorang yang berdiri dalam cahaya tersebut. Saya membuka mata dan dipenuhi dengan perasaan terkejut, tetapi tidak melihat apa pun. Bila saya menutup mata saya kembali, saya dapat melihat dengan jelasnya, jadi saya berterusan menutup mata. Yesus berdiri dihadapan saya memakai jubah yang bersinar dengan terangnya. ” *Yoo-Kyung, Aku mengasihi mu*” inilah ungkapan Yesus, kemudian Dia datang menghampiri saya dan duduk dihadapan saya. Saya tidak pernah melihat sesiapa pun yang seindah Dia. Rambut Yesus keemasan dan Dia mempunyai sepasang mata besar yang sungguh cantik. Yesus

dengan lembutnya mengusap rambut saya dan mengatakan, *"Yoo-Kyung, Aku mengasihi mu"* Saya mula menangis dan hati saya cair. *"Aku ingin menunjukkan kepadamu mengenai Syurga."* Sejenak kemudian, kami dalam perjalanan ke Syurga, terdapat cahaya yang menyinari dengan sangat terang sehingga saya tidak dapat membukakan mata. Saya fikir, *"Mesti ini Syurga."* Bila kami sampai, malaikat yang tidak terhitungnya mengalu-alukan kedatangan kami, dan Yesus membawa saya berjalan di sekitarnya, memperkenalkan saya dengan ramai malaikat. Kemudian Yesus menanya saya, *"Yoo-Kyung, adakah kamu gembira melawat Syurga?"* *"Ya, Yesus, sungguh-sungguh gembira."* Yesus berkata, *"Berdoalah dengan tekun, patuh kepada Pastor Kim, dan sentiasalah menghadiri pelayanan gereja, kemudian Aku akan membawa kamu melawat Syurga dengan lebih kerap, jadi bersemangatlah."*

Setelah segalanya selesai saya berkongsi kesaksian yang berjumpa dengan Yesus dan lawatan saya ke Syurga.

Baek, Bong-Nyo:

Setiap orang daripada kami berlutut diatas bantal untuk berdoa. Bersebelahan dengan saya adalah isteri pastor, sedang menari, dipenuhi dengan Roh Kudus. Tarian dia sungguh gemalai, seperti aliran air. Dia bercahaya dan menari dengan sungguh indahnya dengan dibimbingi oleh Roh Kudus. Saya berterusan berdoa dalam bahasa roh. Tiba-tiba cahaya agung keemasan menyinari, dan berdirilah Yesus dengan jubah yang bersinaran putih. *"Bong-Nyo. Aku mengasihi mu."* Perkataan tidak dapat mengungkapkan sukacita yang melimpah ruah saat berjumpa dengan Tuhan. Saya mempunyai banyak soalan yang ingin ditanyakan kepada Dia, dan Dia menjawab semuanya dengan tepat.

Lee, Haak-Sung:

Saya menumpukan perhatian berdoa dalam bahasa roh, tanpa pengetahuan saya, doa saya dipenuhi dengan kekuasaan seperti suara saya kerana kekuatan. Tubuh saya dibakar seperti api, dan saya harus membuka jubah luar saya. Kemudian, baju saya dibasahi dengan peluh. Saya tidak pernah mengalami nyalaan api dari Roh Kudus datang keatas saya. Saya sangat bersukacita dan gembira untuk berdoa. Jadi, saya berlutut berdoa, dan dengan kesakitan yang melumpuhkan, kaki saya tidak merasakan apa-apa

Isteri Pastor, Kang, Hyun-ja:

Saya tidak pernah berdoa untuk masa yang lama, jadi saya amat merasakan terdesak. Semasa berdoa, jika terdapat persekitaran kerohanian yang tidak biasa muncul, Tuhan akan menanganinya dengan pastor dan setiap ahlinya secara individu dengan kuasa berapi-api. Saya ingin sekali menerima tarian roh yang telah dikaruniakan kepada Puan Choo Thomas. Dan kemudiannya, untuk pertama kalinya, saya berkebolehan untuk menari tarian roh tanpa ragu-ragu. Untuk beberapa waktu saya menyembunyikan karunia ini, tetapi saya tidak dapat lari daripada bimbingan Roh Kudus yang kuat. Tubuh saya seperti diurapi dengan api dan seperti tangan saya bergerak dengan bebasnya mengikuti musik

===== HARI YANG KE- 3 =====

===== HARI YANG KE- 4 =====

Lee, Yoo-Kyung:

Saya tengah berdoa dengan segala upaya dan dengan letupan tenaga yang luar biasa, saya melihat syaitan yang kelihatan keluar seperti didalam filem. Memakai jubah putih dengan rambut panjang, ia datang kearah saya dengan menari-nari dan berkata-kata dengan suara yang membosankan, *"Hahahahaha Hehehehehe."* Saya lumpuh ketakutan. *"Kamu syaitan yang jahat dan terkutuk. Saya perintahkan kamu dalam nama Yesus agar lari daripada saya."* Tetapi syaitan tersebut menghampiri saya dengan menangis *"Hehehehe, kenapa harus saya lari? Bukan hanya saya disini untuk menghalang kamu daripada berdoa, tetapi saya akan memberikan kamu kesakitan fizikal."* Kemudian Pastor Kim menopangkan tangannya pada kepala saya dan berdoa, melaungkan, *"Kamu syaitan yang jijik. Aku perintahkan kamu dalam nama Yesus Kristus agar lari."* Iblis tersebut hilang. Pastor memberitahukan kepada kami, *"Kita harus dengan yakin semasa berdoa."*

Saya kembali berdoa, berteriak *"Yesus, bantulah aku. Bantulah aku."* Saya berteriak kepada Dia untuk satu jangkamasa bila Yesus menjelma dalam cahaya yang terang. Dia berbicara pada saya, *"Yoo-Kyung, jangan bimbang. Aku akan melindungi kamu.. Tidak kira jenis apakah syaitan yang menyerang kamu, jangan takut dan jangan bimbang. Dengan segala kekuatanmu berteriaklah kepadaKu dan Aku akan datang dan mengusir syaitan itu. Jadi, janganlah takut dan kuatlah."*

===== HARI KE - 5 =====

Nota Pengarang : Perkahwinan diantara Saudari Baik, Bong-Nyo dan Yesus adalah merupakan simbolik hubungan diantara Penyelamat dan orang yang berdosa yang telah Dia selamatkan. Dia mahu menunjukkannya kepada mualaf baru, saudari Baik.

Baik, Bong-Nyo:

Selesai penyembahan saya dengan tekunnya berdoa dalam bahasa roh bila Tuhan menjelma pada saya dan mengatakan "*Bong-Nyo, mari pergi ke Syurga.*" Dia memegang tangan saya dan mengiringi saya. Tidak lama kemudian saya berdiri di kaki takhta kudus Bapa kita di Syurga. Yesus menjelaskan dengan ghairahnya tujuan kenapa saya dibawa ke Syurga. "*Bong-Nyo, Aku ingin memiliki perkahwinan yang terindah di Syurga dengan kamu pada hari ini, dan ini adalah tujuannya kenapa kita berada disini.*" Kemudian, malaikat-malaikat mula mempersiapkan gaun saya dan mendandani saya dengan permata/perhiasan yang banyak. Saya tidak pernah melihat gaun keemasan yang disediakan bagi saya. Saya dipenuhi dengan sukacita. Ramai malaikat-malaikat dan penghuni Syurga yang mengucapkan tahniah atas perkahwinan kami, dan saya tidak akan pernah melupakan adegan ini. Saat itu takhta kudus Bapa yang di Syurga kelihatan bergoyang kehadapan dan kebelakang. Setiap masa takhta kudusNya bergerak, ini adalah kerana Tuhan amat senang dan 5 warna bergemerlapan terpancar keluar. Setelah upacara tersebut, saya mengembara diseluruh Syurga dengan memegang tangan Tuhan. Saya berada dipuncak kebahagiaan saya.

Lee, Haak-Sung:

Dengan azam yang kukuh , saya mula berdoa dalam bahasa roh, bila tiba-tiba salib yang tergantung dibelakang mimbar memancar dengan cahaya yang terang, dan satu pintu yang bulat menjelma. Kemudian, Yesus menjelma. "*Haak-Sung. Aku mengasihimu.*" Saya tidak dapat mengungkapkan kegembiraan yang ada dalam diri saya. Serta merta Yesus memegang tangan saya, tubuh saya terapung diudara ringan seperti bulu. Bila kami tiba di destinasi kami, terdapat bau busuk yang pelik, dan ianya amat mengotorkan/menjjikkan. Saya mengalami kesukaran bernafas kerana bau yang berada di sekitar saya. "*Yesus, Yesus kesayangan ku. Dimanakah kita berada? Saya tidak dapat melihat dengan jelas dihadapan saya,*" saya berteriak, tetapi Yesus mengatakan, "*Haak-Sung, jangan gentar. Ini adalah neraka. Aku akan melindungi kamu, jadi jangan bimbang. Tetapi perhatikan secara dekat.*"

Api memanaskan gerbang neraka merah terang, dan walaupun sebelum memasuki tempat tersebut ianya telah pun amat panas. Saya terpaksa melarikan diri daripada api yang panas dan kepanasan yang luar biasa tersebut. Saya bertanya, "*Yesus , bagaimana kita dapat memasuki lubang api ini? Saya rasa saya tidak dapat melakukannya.*" Kami pergi ke satu tempat yang gelap gelita, dan saya tidak dapat melihat satu apa pun. Kemudian, serta merta bila Yesus menyentuh mata saya, saya dapat melihat dengan jelas. Ada seorang perempuan tua duduk dalam keputusasaan dan memakai gaun pakaian tradisi Korea



Yesus mengarahkan, "**Haak-Sung, lihatlah dengan dekat,**" Jadi saya bergerak lebih dekat lagi ke arah perempuan tua tersebut. Dialah nenek sebelah ibu saya, yang telah meninggal beberapa tahun yang lepas. Bila ibu saya meninggalkan rumah, nenek sebelah ibu sayalah yang membesarkan saya. Nenek saya amat menyayangi kami. Saya dalam keadaan yang tidak betul bila melihat nenek saya di neraka. Dengan keadaan yang memeranjatkan saya menjerit kepadanya, "*Nenek, ini adalah saya, Haak-Sung, kenapa kamu disini? Bagaimana seseorang yang lemah lembut dan baik seperti kamu berakhir disini? Cepat, keluarkan diri dari sana.*" Nenek saya dengan cepatnya mengenali saya, dan dalam keadaan terkejut, dia bertanya, "*Haak-Sung, kenapa kamu disini? Bagaimana kamu datang kesini?*" Saya menjawab, "*Yesus yang membawa saya kesini. Nenek, cepat dan keluar daripada sana.*" Nenek saya menangis dan menjerit, "*Haak-Sung, sepertimana aku ingin keluar daripada sini, kamu tidak dapat melakukan apa yang kamu mahu disini. Kamu tidak harus berakhir disini. Beredarlah dengan secepat mungkin.*" Dalam tangisan, saya merayu pada Yesus, "*Yesus, tolonglah keluarkan nenekku. Nenek ku memiliki hidup yang menyedihkan.*" Dalam keadaan yang sekelip mata, seekor ular yang besar menjelma dibawah kaki nenek saya dan mula membelit dan meliliti tubuhnya. Saya menjerit dengan kuatnya, "*Ahh.*" Nenek saya menjerit dengan ketakutan, "*Selamatkanlah saya, tolonglah,*" Tetapi tiada gunanya. "*Yesus, Yesus kesayanganku, saya yang melakukan banyak kejahatan,*" Saya menangis. "*Tolonglah lakukan sesuatu.*" Yesus tidak mengatakan sepatah kata pun, tetapi hatinya hancur tatkala Dia melihatnya. Saya menangis dan menangis dan merayu, tetapi tiada gunanya. Bahkan dalam kegilaan yang memuncak tersebut, dia masih sempat menanyakan mengenai kesejahteraan keluarga yang lain dan kebimbangannya pada mereka. "*Haak-Sung, bagaimana dengan adik perempuanmu? Bagaimana pula dengan ibunya?*" Saya menjawab, "*Semua orang dalam keadaan baik,*" dan dalam pada masa yang sama saya menjawab pertanyaan dia, ular tersebut melilit dia dengan lebih ketat lagi. Jeritan kesakitan daripada nenek saya semakin kuat sekuat-kuatnya. Yesus memegang tangan saya dan mengiringi saya, dan mengatakan, "**Haak-Sung, tiba masa untuk beredar.**" Saya meninggalkan tangisan nenek saya dibelakang dan terus keluar daripada neraka. Yesus mengatakan, "**Dalam neraka, jika dibandingkan dengan dunia fizikal, semua deria kamu akan lebih peka dan lebih pastinya hidup...Haak-Sung, jangan menangis. Kamu dengan jelas melihatnya, jadi pergilah dan setialah dalam melayani Tuhan. Adakah kamu faham?**"

Kemudian Yesus memanggil saya, "**Haak-Sung, Neraka amat mengerikan, bukan? Aku mahu menunjukkan Syurga kepadamu hari ini.**" Dalam masa sekelip mata, kami telah ada di Syurga. Sekumpulan malaikat dan orang ramai (orang kudus/orang yang mati beriman) di Syurga keluar mengalu-alukan kedatangan saya. Malaikat-malaikat yang disekeliling dan Yesus bergandingan tangan dan dengan sukacitanya menari bersama. Semua yang ada di Syurga memang bertentangan dengan apa yang ada di neraka. Di Syurga, apa yang saya lihat semuanya kelihatan baharu, menakjubkan dan sukar untuk dipercayai. Semasa di Syurga saya membuat permintaan kepada Yesus. "*Yesus, anak pastor iaitu Joseph--kakinya ditutupi oleh kutil yang menyakitkan dan dia amat susah untuk berjalan. Tolong sembuhkan dia. Ibu saya menderita sakit belakang. Tolonglah dia agar dia tidak dalam kesakitan. Bantu juga saudara Oh, Jong-Suk, yang tinggal di pejabat gereja, supaya dia cepat mendapat pekerjaan. Dan yang terakhir sekali, tolonglah kami agar mempunyai kebangkitan di gereja kami.*"

Yesus menjawab dengan gembiranya, "**Ya, baiklah.**" Yesus memandang saya dan berkata, "**Haak-Sung, cukup untuk hari ini. Marilah.**" Ketika Yesus memegang tangan saya, kami terbang melalui langit, tiba kembali di gereja.

Saya dengan sambung berdoa dengan tekunnya. Saya tidak dapat berhenti daripada memikirkan mengenai nenek sebelah ibu saya yang menderita di neraka, dan saya terus menangis tersedu-sedu. Saya sesungguhnya dalam kemurungan dan kesakitan, saya berteriak menendang dan menjerit, " *Tuhan, apa yang harus saya buat? Nenek saya mati kerana saya. Ini amat menyakitkan hati saya. Nenekku. Nenekku yang ku kasihi.*" Saya menangis sehingga keletihan. Kemudian saya bermula lagi. Saya berteriak pada Tuhan. Saya jarang menangis, tetapi saya tidak mempercayai titisan airmata yang mengalir sehingga 2 jam, 3 jam, dan kemudian 4 jam. Bila sesi doa yang pertama tamat, saya masih tidak dapat menahan kesedihan saya. Saya berkongsi kesaksian saya mengunjungi Syurga dan neraka dengan jemaat yang lain. Kemudian, jam 5 pagi, kami memulakan pelayanan doa yang kedua, dimana ianya berakhir 5 jam kemudian. Semasa pastor memberikan khutbah, Yesus menjelma, dan kemudian khutbah pastor bertambah kuat dan berkuasa. Malaikat-malaikat turun dari Syurga, berbaris disamping mimbar, dan ada diantaranya membawa mangkuk untuk sokongan. Mereka menangkan setiap doa kami. Dan mereka menyanyikan, "*Amin. Amin*"

Walapun setelah semua pelayanan tamat, saya masih tidak dapat berhenti memikirkan mengenai penderitaan nenek saya di neraka.

==== HARI KE- 6 ====

Baek, Bong-Nyo:

4 jam telah berlalu sejak pastor memulai khutbahnya. Tidak seorang pun daripada kami yang mengerdipkan mata. Meena yang berusia 5 tahun juga mendengar khutbah dengan teliti. Saat mata saya menatap pastor, Yesus menampakkan diri dengan sekumpulan malaikat. Yesus memimpin 9 ekor domba bersamaNya. Saya menyedari bilangan domba dan bilangan pendoa syafaat adalah sama! "*Kamu semua dombaKu. Aku akan selalu memerhatikan kamu semua, jadi jangan bimbang.*"

Khutbah Pastor Kim berapi-api, dan dia berbicara dengan Api Kudus. Yesus terlibat secara mendalam dalam khutbah pastor, dan Dia menjerit dengan kegembiraan, "*Pekerjaan yang baik, Pastor Kim. Kamu melakukannya dengan hebat.*"



Yesus berjalan dengan setianya bersebelahan pastor, tersenyum dengan berseri-seri. Bila pastor bergerak ke kiri, Yesus bergerak ke kiri, bila dia bergerak ke kanan, Yesus bergerak ke kanan. Kemudian 10 malaikat menjelma. Seorang malaikat berdiri dengan buku yang dibuka merekod sesuatu dalam keadaan tergesa-gesa. Malaikat-malaikat yang lain mengelilingi pastor dengan membawa mangkuk-mangkuk, mengumpul khutbah tersebut.

Bila mangkuk tersebut penuh, malaikat lain akan datang membawa mangkuk yang lain, ini berterusan dengan mereka membawa mangkuk tersebut terus ke Syurga. Yesus bersukacita, dan malaikat-malaikat pun bersukacita.

Setelah khutbah tersebut, tiba masanya untuk berdoa bersama. Semasa kami berdoa, kesemua 9

orang ahli dalam pasukan berdoa kelihatan berjuang dalam pertempuran. Semasa kami berteriak pada Tuhan dengan pertaubatan, airmata dan peluh membasahi kami.

Kemudian Yesus mendekati, dan memanggil nama saya. Yesus berbicara dengan membandingkan pelbagai gereja, *"Bong-Nyo, banyak gereja yang tidur dan mempunyai salib merah mereka yang dinyalakan semasa malam minggu sahaja, tetapi ahli The Lord's Church berdoa dengan tekunnya. Aku sekarang merasakan kebahagiaan yang menyenangkan."* Kemudian malaikat-malaikat turun dalam 3 orang dalam sekumpulan. 1,2,3,4,5 ; saya mengira sejenak, tapi saya tidak dapat melihat akhirnya perarakan mereka, jadi saya berhenti mengira. Mereka terus turun tanpa henti dan berdiri dihadapan altar/mezbah dimana kesemua 9 daripada kami berdoa. Mereka mengumpul doa-doa kami dalam mangkuk emas dan membawanya ke syurga kemudian datang lagi. Malaikat-malaikat mengambil doa kami kepada Tuhan. Tetapi sejak kebelakangan ini, dengan ahli-ahli The Lord's Church menyembah sepanjang malam dan melemparkan diri dalam doa, malaikat-malaikat berterima kasih kepada kami kerana memberikan mereka banyak kerja untuk dilakukan.

Yesus berbicara, *" Dengan kerajinan kamu berseru/berteriak kepada Tuhan dan menyembah siang dan malam, Bapa Surgawi, Aku sendiri dan Roh Kudus mengkagumi dedikasi kamu semua. Amat susah mencari gereja sama seperti kamu didunia ini."* Bapa Surgawi menanya kami, *" Apa yang harus Ku berikan kepada kamu semua?"* Kemudian Bapa menanya Yesus, *" AnakKu, apa yang kamu fikirkan yang harus Aku lakukan?"* Yesus kemudian menjawab, *" Bapa, buatlah seperti kehendakMu."* Roh Kudus mengurapi kami dengan Api Kudus, minyak dan karunia syurgawi. Bapa berbicara, *" Untuk isteri pastor, Kang, Hyun-Ja, Aku mengurapi dia dengan luarbiasanya dengan kobaran api Roh Kudus dan keupayaan menyembuhkan mereka yang sakit, dan Aku mahu dia menari dengan tarian roh dengan penuh keberanian."*

Bila isteri pastor mula menari dalam tarian roh, semua memandang dia dengan perasaan kagum. Muka dia berubah menjadi merah bila dia menari dibawah bimbingan Roh Kudus.

Tuhan tiba-tiba mendorong saya ke suatu tempat yang kelihatan seolah-olah saya berada dibawah air, seolah-olah tubuh dan kaki saya bergerak dengan sendirinya. Kemudian saya mendengar suara Tuhan mengatakan, " Aku akan membaptis kamu dengan api yang berkobar." Saya merasakan seolah-olah saya dilemparkan kedalam minyak dan tubuh saya serta merta terasa seperti berbola api.

Kemudian, Yesus mula membicarakan mengenai gereja di Korea. Dengan nada yang marah Dia berkata, *" Apakah yang istimewanya sesebuah gereja jika ianya hanya besar dan kosong dengan salibnya diberikan cahaya. Aku memilih ketua pastor untuk menyelamatkan jiwa yang terhilang, tetapi mereka kurang berdoa, dan ini amat menghancurkan hati Aku."*



Kemudian, saya menari tarian kudus dan berdoa dalam bahasa roh bila Yesus memegang tangan saya, mengatakan, *" Bong-Nyo, ikutlah Aku ke Syurga,"* Serta merta bila saya memegang tangan Yesus, secara tiba-tibanya saya memakai jubah putih, dan saya terbang bersama Yesus diudara. Semakin saya terbang tinggi, Bumi menjadi semakin kecil dan kecil. Alam semesta kelihatan amat indah. Kami terbang seketika, dan kemudian kami tiba di galaksi. Bila kami melintasi

galaksi, ianya bertukar lebih gelap, dan saya melihat ada 2 jalan. Kami pergi ke jalan yang sebelah kanan, saya bertanya, "Tuhan. Kemana perginya arah jalan yang kiri itu?" Dia mengatakan bahawa jalan ke kiri tersebut menuju ke neraka. Ianya kelihatan kami berada di atas jalan untuk seketika, bila dengan tiba-tiba cahaya muncul dan ianya sungguh terang sehingga saya tidak dapat membuka mata.

Syurga dipenuhi dengan bintang-bintang. Manusia didunia selalu mengatakan perkataan firdaus/syurga, tetapi apa yang saya lihat tidak dapat diluahkan dengan perkataan duniawi. "Bagaimana ini terjadi? Bagaimana ini mungkin terjadi?" Saya bertanya. Manusia tidak dapat membayangkan sepenuhnya bagaimanakah keadaan Syurga. Banyak malaikat yang menyambut dan mengalu-alukan saya. Yesus berkata, "**Kamu memutuskan dan menyerahkan diri kamu untuk dengan rajinnya menghadiri diri ke gereja, jadi Aku mahu menunjukkan kamu rumahmu di Syurga. Ikutlah Aku.**" Saya melihat banyak malaikat yang telah membina sesuatu. Yesus memberitahukan kepada saya, "**Inilah rumahmu.**" Saya melihat, tetapi tidak melihat sebarang apa pun rumah disana. Saya hanya melihat asas yang dalam saja. Malaikat menggunakan emas untuk menghasilkan kerja mereka. Yesus mengatakan, "**Dalam beberapa hari rumahmu akan didirikan. Jangan merasa putus asa, tetapi rajinlah berdoa dan hidup dengan penuh keimanan. Kamu dulu menyembah syaitan dan telah membawa ramai orang kedunia khayalan. Tetapi, kini kamu telah membuat tekad dengan mempercayai Aku dan dengan tekunnya menghadiri diri ke gereja.**" Yesus berkata, "**Aku mempunyai satu tempat yang ingin Ku tunjukkan kepadamu, jadi ikutlah Aku,**" dan Dia membawa saya kesuatu tempat. "**KesayanganKu Bong-Nyo, Aku akan menunjukkan kepadamu tempat menyimpan harta dan rumah mereka yang bertanggungjawab menginjil kamu, pastor gereja kamu, Kim, Yong-Doo, dan isterinya, Kang, Hyun-Ja. Perhatikan dengan teliti. Bangunan yang mempunyai ketinggian 1000 tingkat didunia hanya setinggi 1 tingkat di Syurga, dan segalanya di Syurga tidak dapat digambarkan dengan kosa kata manusia yang terhad.**"

Pada pandangan mata saya terdapat satu bangunan yang luarbiasanya besar, dan memancarkan cahaya yang cukup terang sehingga saya tidak dapat mendongakkan kepala saya. "Ini adalah rumah Pastor Kim." Yesus mengangkat tinggi tangan kananNya dan tiba-tiba saya dapat melihat dengan jelasnya, rumah baru Pastor yang cukup indah di Syurga. Kemudian Tuhan,berkata, "Sekarang, mari lihat rumah tempat menyimpan harta Pastor Kim." Dalam perbandingan, jarak rumah penyimpanan harta dengan rumah Pastor Kim adalah dalam anggaran 3 hingga 4 buah perhentian bas. Rumah penyimpanan rumah pastor dikawal ketat oleh beratus malaikat, jadi kami tidak dapat masuk. Bila Yesus muncul, malaikat penjaga melebarkan sayapnya kebawah dan berdiri tegak dan tunduk dihadapanNYA. Setiap rumah penyimpanan harta di Syurga memerlukan kebenaran Yesus untuk masuk. Cahaya-cahaya berwarna yang terang mengalir keluar daripada tempat penyimpanan tersebut adalah satu gambaran/pemandangan yang amat mengagumkan. "Wow, mesti Pastor Kim amat gembira." kata saya. Dalam rumah penyimpanan harta tersebut terdapat malaikat yang tidak terkira banyaknya tengah sibuk mengumpulkan semua bahan Pastor daripada bumi.

Harta Pastor bertambah banyak. Saya bertanya kepada Yesus, "**Kenapa rumah Pastor Kim sangat besar dan kenapa dia mempunyai banyak harta?**" Tuhan menjawab saya, "**Pastor Kim, Yong-Doo terdahulu setia dan dia selalu berdoa dan melayani Aku dengan tekunnya.**" Yesus berkata, "**Ini saja masa yang kita ada untuk hari ini, jadi kita akan lihat banyak lagi lain kali bila kamu kesini nanti.**" Dia membawa saya balik ke gereja. Yesus berkata kali terakhir sebelum Dia meninggalkan saya: "**Bila Aku mati diatas kayu salib, ramai yang mengatakan bahawa Aku tidak akan hidup**

lagi. Mereka [orang ramai] berhenti mempercayai Aku, berhenti pergi ke gereja, dan sekarang membuat perkara lain, perkara duniawi."

===== HARI KE- 7 =====

Kim, Joo-Eun:

Saya berdoa dalam bahasa roh sekitar 1 jam, bila tiba-tiba satu cahaya yang amat terang bersinar. Kemudian Yesus, memakai jubah putih, muncul didepan mata saya. Yesus memiliki rambut kecoklatan dan memakai pakaian Rom kuno - jubah yang berwarna putih berkilauan. Dia memanggil nama saya. "*Joo-Eun, kesayanganKu Joo-Eun, Aku mengasihimu.*" Yesus semakin mendekati sambil Dia berkata kepada saya. Saya amat terkejut dan berkata, "*Adakah kamu benar-benar Yesus? Wow, Yesus, saya amat mengasihimu. Kau sungguh hebat.*" Saya dipenuhi keseronokan kerana saya tidak tahu apa yang harus saya buat. Yesus duduk berhadapan dengan saya dan mengatakan bahawa Dia amat menyayangi saya. Saya dengan terujanya mengatakan, "*Yesus, saya benar-benar menyayangi Mu.*" dan Dia menjawab, "*Ya, Aku juga amat mengasihimu/menyayangi kamu.*" Yesus memberitahu saya, "*Berdoalah dengan tekun, dan Aku akan mendedahkan DiriKu padamu. Aku akan membawa kamu ke Syurga dan menunjukkan padamu sekitarnya. Jadi, berdoalah dengan tekun,*" dan kemudian Dia menghilang.

Bila saya tidak melihat Yesus, saya terus mula berdoa dengan bahasa roh dengan segala daya. Tiba-tiba, dihadapan saya ada satu objek yang pelik muncul, ia berlari ke arah saya. Kedua-dua belah matanya sedikit robek dan pada mata kanannya bertanda X. Syaitan ini diliputi dengan banyak bekas-bekas luka. Saya menjerit, "*Dalam nama Yesus, nyah kau dari aku.*" Syaitan tersebut hilang. Saya sambung berdoa, bila sesuatu dengan matanya yang lebih rapat daripada kucing muncul dihadapan saya. Ia memiliki sayap seperti kelawar, dan mempunyai gigi tajam yang terlonjol keluar. Ia terburu-buru kearah saya untuk menakutkan saya, tapi saya kalahkannya dengan nama Yesus.

Kemudian, ada sesuatu yang sama seperti iblis menjelma, dan saya memikirkan dimanakah saya pernah melihatnya. Dan saya menyedari bahawa ianya adalah karakter daripada permainan komputer yang bernama [Starcraft](#) iblis perempuan ini datang kearah saya. Dia cuba untuk kelihatan menggerunkan dengan merenung kearah saya. Tidak seperti syaitan lain yang akan beredar dengan serta merta bila saya menyatakan nama Yesus, iblis perempuan ini tidak melarikan diri dengan sewenangnyanya. Walaupun setelah saya menjerit berulang-ulang kali, ianya tidak bergerak, dan saya menjadi sangat takut. Saya berlari kepada Pastor Kim yang berada di sebelah mimbar dan saya sambung berdoa. Pastor memegang tangan saya dan mengangkatnya tinggi, berdoa bersama-sama saya, dan hanya dengan itu barulah iblis tersebut beredar.



===== HARI KE- 8 =====

Pastor Kim, Yong-Doo:

Ianya sudah seminggu sejak kami mula dengan penuh keazaman doa rally. Pertempuran rohani kami bertambah bersungguh-sungguh, dan percubaan fizikal kami berlanjutan berhari-hari. Seorang demi seorang, setiap pendoa syafaat terbuka pandangan rohani [mata roh] mereka dan mereka dipenuhi dengan Roh Kudus. Kuasa kejahatan kemudian membuat pertahanan mereka dengan lebih ganas. Banyak situasi peribadi timbul, menguji tahap kemarahan kami. Pada hari pertama, salah satu tayar kereta saya terkedar dengan teruknya. Kemudian hari yang berikutnya, tayar hadapan pula terkoyak besar. Saya amat tertekan/kecewa dengan situasi tersebut. Namun, saya tidak pernah mengadu pada Tuhan, tetapi malahan saya berteriak "Alleluia" dengan hati yang bersyukur. Pada hari berikutnya lori penunda membawa kereta saya pergi. Perkara ini hampir-hampir mendorong saya ke tepi, tetapi isteri saya dan jemaat yang lain mengingatkan saya, " *Pastor, kamu harus tabah melalui semua ini.*" Kemudian, ada seseorang yang memecahkan lampu berhenti, dan kemudian hari seterusnya ada orang menggores sisi kereta saya dengan objek yang tajam.

Perjalanan pelayanan gereja mengikuti pimpinan Roh Kudus. Sebelum itu berita buletin gereja bertajuk, "Roh Kudus - memenuhi jam iklim," tetapi kemudian telah digantikan dengan, "Pelayanan pimpinan Roh Kudus yang benar." Penyembahan, doa, khutbah dan pemberian secara formal telah diubah, dan kami bergantung kepada panduan Roh Kudus untuk memimpin dalam penyembahan, doa, khutbah dan pengisytiharan. Khutbah boleh berlangsung tidak mengikut jadual kerana tidak terdapat tekanan/paksaan untuk menghabiskannya mengikut jangka waktu.

Setiap pendoa syafaat dapat melihat kehadiran Yesus semasa doa waspada kami sepanjang malam, mereka tidak merasa letih, walaupun pelayanan tersebut sehingga ke hari berikutnya. Kami sentiasa berwaspada, dan tidak ada masa mengabaikan penjaga kami sejak serangan iblis yang tanpa henti.

Kim, Joo-Eun:

Ketika saya berdoa dalam bahasa roh Yesus muncul dan mengatakan kepada saya, "*Joo-Eun, Aku menyayangi kamu.*" Dia menyambung lagi, "*Joo-Eun, berdoalah dengan tekun, dan Aku akan memegang tangan mu dan memimpin kamu ke Syurga. Berdoalah tanpa henti. Aku akan menunjukkan Syurga kepadamu. Adakah kamu faham?*"

Kemudian pada malam tersebut, iblis muncul dalam kumpulan. Satu muncul dengan mengepakkan sayapnya seperti kelawar, dengan 2 tanduk kecil dikepalanya dan matanya seperti kucing. Iblis tersebut terbang kearah saya dengan mulutnya ternganga dengan luasnya, dengan lendir yang melekat-lekat mengalir daripada mulutnya. Matanya merah menyala. Saya menjerit, "*Dalam nama Yesus, saya perintahkan kamu iblis yang jijik dan kotor, larikan diri dari saya.*" dengan itu, ia hilang. Tidak lama kemudian, iblis dengan mukanya yang biru serta matanya yang kecil mendekati saya. Saya takut dan meremang seluruh bulu badan saya, saya menjerit, "*Dalam nama Yesus, lari dari saya.*" Tetapi iblis tersebut tidak bergerak. Malahan dia berterusan memandangi saya dengan pandangan marah. Saya menjerit dengan kuat dan penuh dengan ketakutan bila saudari Baek, Bong-Nyo, yang duduk sebelah saya, bergabung dengan saya menjerit, "*Dalam nama Yesus, lari dari kami!*" Hanya dengan itu, ia benar-benar lari.

Saya sambung berdoa bila seekor naga merah yang sangat besar terbang ke arah saya. Matanya berwarna hijau. Mempunyai tanduk yang panjang dan tajam yang terlonjol keluar daripada kepalanya. Terdapat asap pada lubang hidungnya. Ia menerkam ke arah saya seolah-olah mahu menelan saya hidup-hidup. Saya tidak bergerak. Saya berdiri dikedudukan saya, berdoa dengan tekun dalam bahasa roh dalam nama Yesus, dan tiba-tiba ia terbang lari. Satu perasaan yang amat memuaskan timbul didalam saya. Sebelum ini, saya tidak menyedari betapa besar dan berkuasanya nama Yesus. Lepas itu, syaitan yang amat mengerikan, yang jahat dan bermukakan tengkorak ketawa berdekit-dekit dihadapan saya seolah-olah ia menyumpah saya. Sekali lagi saya berdoa dalam nama Yesus untuk mengusir syaitan tersebut.

Kemudian, saya memikirkan mengenai Yesus yang tergantung di salib, dan Dia muncul, memberi galakan kepada saya dan mengatakan, "*Joo-Eun, sedikit lagi, berdoa beberapa ketika lagi.*"

==== HARI KE- 9 ====

Lee, Haak-Sung:

Iblis dengan penuh perhatiannya menyerang lagi. Naga merah yang dikatakan oleh Joo-Eun kepada saya muncul dihadapan saya. Saiznya yang besar itu amat menakutkan saya. Mempunyai mata berwarna hijau, asap hitam terhembus keluar daripada lubang hidungnya. Giginya tajam seperti tanduk, dan cakarnya tertunjuk keluar dan ekornya menakutkan panjangnya. Namun, saya berdoa dengan lebih berani, dan ia terus lesap. Tidak lama kemudian, iblis perempuan menjelma dan menjerit, "*Hee-hee-hee!*" Mulutnya penuh dengan gigi menyerupai serigala. Dalam masa yang sama, saya mula mendengar angkatan tentera berkawat menggunakan but, menghentak dengan kuatnya dibelakang saya. Tidak lama kemudian, satu bayangan hitam sekeliling saya. Bunyi iblis dan hentakkan but tersebut menakutkan saya, jadi saya mula menangis. "*Tuhan, tolonglah saya. Tolonglah bantu saya!*" Saya berteriak pada Tuhan dan Yesus muncul dalam cahaya yang terang. Roh iblis terus lesap sebaik sahaja Yesus muncul. Yesus memegang tangan saya, dan saya menyanyi dan menari bersama Dia.



Kemudian, Yesus memanggil saya, "*KesayanganKu Haak-Sung, adakah kamu mahu melawat Syurga?*" Serta merta Dia memegang tangan saya, tubuh saya tersarung dengan gaun putih. Saya terapung di udara, dan kami terbang menuju malaikat syurga yang menanti kami. Kepala saya tidak dapat didongakkan dengan sempurna berikutan hadirat yang cukup bergemerlapan itu. Syurga hanya dapat diungkapkan dengan tempat yang penuh dengan bintang. Saya berfikir bahawa saya bermimpi, tetapi Syurga sungguh nyata daripada dunia ini. Semua Syurga diliputi oleh emas. Tiada tempat dimana cahaya tidak menerangi. Banyak malaikat dan orang-orang kudus bergerak dengan sibuknya, dan malaikat-malaikat mengalu-alukan saya dengan girangnya. Saya berkata, "*Yesus, saya ingin tahu jika terdapat rumah saya disini.*" Kemudian Yesus menghantar 2 malaikat untuk menemani saya menuju rumah saya. Rumah saya tidak besar, tetapi dindingnya diperbuat daripada bata emas. Saya melihat satu kebun bunga yang sungguh besar, yang dipenuhi dengan pelbagai jenis bunga. Saya terdorong untuk melompat dan berguling-guling sekitar kebun tersebut. Saya terhidu bau manis

aroma bunga-bunga tersebut, saya dipenuhi dengan sukacita dan melompat keatas dan kebawah seperti budak kecil.

Lee, Yoo-Kyung:

Saya berdoa dalam bahasa roh semasa iblis mendekati saya. Terdapat bekas luka berbentuk X pada mata kanannya dan mata kirinya kelihatan seperti tompok mata hitam rakun. Ia kelihatan seperti syaitan lelaki, dan saya menjerit, "*Dalam nama Yesus, lari daripada saya.*" Kemudian iblis yang mempunyai sayap seperti kelawar mendekati saya. "*Apakah kesalahan saya sehingga kamu menyakitkan saya sedemikian rupa?*" Ia merayu, "*Hei, saya tidak akan datang lagi jika kamu benarkan saya masuk kedalam kamu dan keluar sekali saja.*" Saya menjawab. "*Kamu--Kamu iblis yang keji. Dalam nama Yesus, lari dari pandangan saya!*" Dengan itu, ia lesap. Telah itu, saya bertempur dengan 3 atau 4 iblis yang berlainan. Tiba-tiba saya tercium satu aroma wangi disekitar saya. Yesus muncul dan memanggil nama saya. "*KesayanganKu Yoo-Kyung, berikan tanganmu.*" Jadi saya menghulurkan tangan saya, Yesus menyambut tangan saya dengan tanganNya yang lembut dan hangat. Saya berkata, "*Yesus, bahu saya sangat sakit,*" dan setelah Yesus menopangkan tanganNya pada bahu saya, rasa sakit tersebut reda.

Yesus memberi setiap orang pendoa syafaat nama samaran. Ianya amat menyeronokkan. Yesus memanggil saya dengan nama "Muka berbintik" kerana saya mempunyai banyak tompok pada muka saya. Joo-Eun dikenali dengan nama samaran "Bijan" atau "Jagat" kerana dia diliputi dengan bintik-bintik/jagat.

Kemudian, Yesus menghiburkan saya kerana derita yang saya alami hasil daripada melihat ahli keluarga saya di neraka, "*Yoo-Kyung yang Ku kasihi, kau telah terlalu banyak menangis setelah berjumpa dengan nenekmu di neraka.*" Yesus mengingatkan saya, "*Yoo-Kyung, bila Aku membawa kau ke neraka, jangan sekali-kali kau hulurkan tanganmu kepada sesiapa, walaupun ianya nenek kesayanganmu. Jangan sekali-kali kamu memegang tangan sesiapa ditempat itu.*"

Kemudian Yesus sekali lagi membawa saya ke neraka. Kali ini saya melihat arwah bapa saya dan adik lelaki yang berumur 26 tahun. Dia membunuh diri dengan meminum racun. Mereka berdua telanjang. Mata mereka bertemu dengan mata saya. "*Kakakku, Bong-Nyo, bagaimana kamu datang kesini? Tempat ini bukan tempat bagi kamu. Kakak, berdoa pada Tuhan. Cepat dan merayulah kepada Dia agar mengeluarkan saya dari sini. Bantulah saya ke Syurga. Sekarang!*" Dengan tangisan dan rayuannya, adik saya dibuang ke periuk yang mengandungi cecair mendidih. Saya dapat mendengar didihan tersebut.

Sejak saya kecil lagi, bapa saya membenci saya, dan kebencian tersebut tertanam beberapa tahun. Bapa saya mengatakan, "*Bong-Nyo, semasa saya hidup saya telah lakukan banyak perkara yang tercela dan saya amat menyesalnya sekarang. Saya rasa itulah sebabnya saya disini sekarang. Saya sungguh-sungguh menyesal.*" Saya menanya Yesus, "*Tuhan, kenapa bapa saya berada disini?*" Dia menjawab, "*Dosa bapamu sungguh besar. Dia tidak percaya kepadaKu, dia juga berjudi setiap hari. Semasa ibumu mengandungkan adikmu dan akan melahirkan bayi yang sihat dan mungil dalam masa sebulan lagi, bapamu telah mengambil nyawa yang berharga di rahim itu dengan memukul ibumu di perutnya. Bayi tersebut mengalami trauma dirahim dan mati. Bapamu juga telah memaksa kamu menguburkan bayi yang masih hidup dibukit. Tidakkah kamu mengetahui*

hal ini? Setelah melakukan dosa yang keji ini, dia tidak pernah mengaku atau minta pengampunan. Ianya amat padan dia berada di neraka," nada suara Yesus dipenuhi dengan kemarahan.

Saya melihat muka yang lain yang saya kenal, dan dia adalah ibu mertua adik saya. Dia sungguh-sungguh meminta agar bila saya kembali ke Dunia, dia mahu menantunya dan keluarganya percaya pada Yesus Kristus, berdoa dengan tekun, dan lihatlah neraka, supaya mereka semua dapat ke Syurga. Dia berkata. *" Saya benar-benar tidak mengetahui terdapatnya neraka, atau betapa panas dan menyedihkannya disini. Saya pernah memegang jawatan sebagai seorang pemimpin jemaat di gereja, tetapi saya tidak pernah melayan di gereja. Saya mempunyai terlalu banyak idola didunia, dan ini merosakkan saya. Ini adalah sebab kenapa saya disini. Saya amat menyesal,"* dia menjerit. Kemudian, dia dibuang ke cecair panas dengan cara yang sama. Saya amat takut dan sedih, saya tidak dapat bertahan lagi. Muka saya dipenuhi dengan airmata, dan bau bakaran tersebut membuat saya sukar untuk bernafas. Yesus juga berterusan menangis. Tuhan mempunyai pengajaran yang penting bagi saya: *" Kamu hanya mempunyai satu sahaja peluang di Syurga, dan kerana itulah kamu masih hidup secara fizikal."* Saya tidak dapat berbuat apa-apa melainkan melihat mereka sengsara. Api di neraka tidak dapat dibandingkan dengan api didunia ini.

Lee, Yoo-Kyung:

Setelah berdoa sehingga jam 7.30pg, saya pulang kerumah dengan harapan dapat tidur sekejap, dan saya merasakan hadirat sesuatu dibilik. Saya membuka mata, tetapi saya tidak melihat apa-apa. Bila saya memejamkan mata, Yesus duduk disbelah saya. Ketakutan tiba-tiba menerpa saya, dan bulu tubuh saya meremang. Saya berdoa dengan beraninya dalam bahasa roh. Tiba-tiba, orang yang saya sangkakan Yesus itu bertukar menjadi iblis hitam, dan memiliki mata biru. Iblis tersebut membulatkan matanya, dan dengan tangan yang diangkat tinggi dia cuba untuk membaca Doa Bapa Yang DiSyurga. Kemudian dia berteriak, *" Semua iblis, bangkit!"* Saya dalam ketakutan. Dengan berteriak memerintah saya jeritkan. *" Kamu iblis, dalam nama Yesus, lari dari saya."* Dengan segeranya iblis tersebut lesap.



==== HARI KE- 10 ====

Kim, Joo-Eun:

Semasa saya dengan bersungguh-sungguhnya berdoa dalam bahasa roh, seekor naga merah muncul didepan saya. Ia kemudian tiba-tiba berlari dan melompat kearah saya. Naga tersebut memiliki mata buaya yang mengancam dengan cakaran yang lebar dan tajam, dan dia bertindak untuk menakutkan saya dengan meyondolkan cakarannya kearah saya. Asap yang menjijikkan keluar daripada lubang hidungnya. *" Syaitan yang mengerikan, larilah daripada saya dalam nama Yesus."* Saya menjerit seperti seorang perempuan gila. Naga tersebut mengarah ke arah Saudara Haak-Sung. Haak-Sung terkejut. Dia berdoa dalam bahasa roh dengan lebih kuat dan bersungguh-sungguh. Dia menjerit seperti mana yang saya lakukan tadi, *" Syaitan, lari dari saya dalam nama Yesus."* Kemudian, naga tersebut mendekati saya, dan bertukar menjadi naga hitam. Dengan ketawa yang menjijikkan, naga tersebut mula berbicara, *" Jangan berdoa. Kenapa kamu*



begitu sukar untuk membuka matamu semasa kamu berdoa? Jika dalam keadaan tersebut, bukalah matamu. Kenapa kamu harus menutup matamu semasa berdoa? Bukalah matamu dengan cepat. Kenapa kamu berdoa dengan bersungguh-sungguh pada hari ini?" Ianya cuba menghalang perhatian saya dalam berdoa. Saya menjerit lagi, " *Syaitan yang jijik, lari dari saya dalam nama Yesus.*" Tetapi, naga tersebut tidak meninggalkan tempat tersebut dengan mudahnya. Oleh kerana itu, saya tekankan lebih lagi nama Yesus. Dengan jeritan nama Yesus, naga tersebut sekali lagi menoleh kearah saya dengan kejamnya, matanya yang tajam, mengisarkan giginya dan melarikan diri.

Kemudian satu lagi roh iblis menjegilkan matanya pada saya, dan mula datang mendekati saya. Saya mengenalinya ianya adalah roh perempuan yang terkenal yang dilihat dalam banyak cerita hantu pada filem Korea dan di TV. Saya menjadi takut, tetapi saya tahu, jika saya menunjukkan ketakutan saya, ini akan memberikan keyakinan kepada dia untuk menyerang saya. Dengan segala kekuatan saya, saya berusaha untuk tidak menunjukkan ketakutan saya, dan saya bertempur dengan hantu melalui doa. Tujuan bentuk-bentuk iblis ini adalah bertujuan untuk menakutkan manusia hingga mati. Darah menitis jatuh daripada hujung giginya, dan rambutnya kusut masai dan tidak terurus. Dia membuat bunyi yang kuat, ketawa berdekit-dekit yang sungguh buruk. Dengan segala kekuatan saya, saya jeritkan, " *Lari daripada saya dalam nama Yesus*" dan ia terus lenyap.



Kemudian Tuhan Yesus menjelma dihadapan saya. Walaubagaimanapun, kali ini saya merasakan ada sesuatu yang tidak kena. Saya perasan sesuatu perasaan yang tidak selesa, saya merasa ketakutan bila melihat Tuhan. Saya teringat pastor saya pernah memberikan amaran agar berhati-hati, kerana iblis dapat menjelma sebagai malaikat terang. Saya diberitahu jika saya tidak arif untuk menilainya, samada saya berdoa dalam bahasa roh atau menguji malaikat tersebut dengan firman Tuhan. Saya berusaha menguji yesus ini dengan berdoa dalam bahasa roh. Pada saat saya berdoa dalam bahasa roh, apa yang kelihatan adalah muka tuhan mula cacat dan bertukar menjadi hitam. Iblis datang kearah saya dengan menyamar sebagai yesus. Mata iblis tersebut berpusing-pusing keseluruhan arah dan tidak akan meninggalkan hadirat saya kerana dia sedaya-upaya mengalihkan perhatian saya dalam berdoa.

Sister Baek, Bong-Nyo:

Hari ini semasa saya berdoa dalam bahasa roh, Tuhan Yesus datang kepada saya. Saya menangis, " *Tuhan, Tuhan.*" Yesus berkata, " *Berhentilah menangis. Aku datang untuk membawa kamu ke syurga. Datanglah dengan Ku.*" Terdapat riak simpati pada muka Yesus bila Dia memegang tangan saya. Bilamasa saya mengunjungi Syurga, saya teruja dengan semua misteri, yang mana ianya tidak terbatas dan abadi. Saya amat kagum dengan segala pemandangan ini. Saya rasa ianya harus mengambil masa selamanya untuk melihat dan merasai semuanya dari Syurga. Yesus memberitahukan kepada saya agar pergi dan perhatikan/amati gereja di Syurga. Segera setelah kami tiba disana, mulut saya melopong bila saya melihat bangunan yang sangat besar dan hebat itu. Saya jeritkan, " *Wow!*" Saya seperti dalam khayalan. Ianya sungguh besar, dan ianya nampak seolah-olah dapat mencakar langit di Syurga.



Kemudian, semasa masih dalam lawatan di Syurga, Yesus berkata, "*Bong-Nyo, mari kita melawat puncak tertinggi Syurga.*" Bila kami tiba di puncak, saya dapat melihat pelbagai kawasan di Syurga. Saya melihat banyak malaikat, taman yang luas dengan pelbagai jenis bunga. Mustahil bagi saya untuk mengira kepelbagaian tumbuhan dan bunga-bunga yang saya lihat. Saya dapat melihat lautan yang seluas mata memandang dengan kejernihan umpama kristal. Terdapat banyak kapal-kapal yang terapung di atas lautan tersebut.

Selepas itu, bila saya kembali ke dunia, walaupun saya telah melawat Syurga, saya masih teringat dengan ibubapa dan saudara saya di neraka. Saya menangis untuk beberapa jam, dan saya tidak tahu apa yang harus dilakukan. Segera setelah itu, sekumpulan 15 malaikat menjelma pada saya. "*Tuhan memerintahkan kami agar datang kedunia dan menenangkan saudara Baek, Bong-Nyo. Ini adalah kenapa kami berada disini.*" Mereka mengelilingi saya dan mula untuk melayani saya dengan kata-kata hangat dan menenangkan. Kemudian, saya dapat bertenang dan segala airmata saya terhapus.

Kemudian, bila saya berterusan berdoa, tiba-tiba saya melihat Syurga terbuka, dan Allah Bapa duduk di takhta Syurgawinya. Dia berbicara dan memberitahukan kepada saya agar berhenti menangis. Roh Kudus datang dan berbisik kepada saya, "*Aku akan memberikan kamu dan saudara Kang, Hyun-Ja karunia menyembuhkan dan Api Roh Kudus. Bagaimanapun, kamu harus tekun mencarinya.*" Yesus berdiri disebelah Allah Bapa, Dia berkata kepada saya, "*Bong-Nyo. Apabila kamu merasa letih dan lemah semasa berdoa, Aku akan mengurapi kamu dengan kuasa Roh Kudus.*"

Tidak lama kemudian, Yesus mula berbicara dengan suara yang keras, Yesus mengatakan bahawa gereja-gereja dan ramai pastor menyembah Dia dalam kesia-siaan. Mereka mengikuti tradisi dan kerjatangan manusia. Banyak masa pelayanan adalah singkat dan mempunyai mesej yang kosong. Jarak masa dalam ibadah/penyembahan dan pujian semakin tidak dapat diterima. Mereka lebih memberikan perhatian bila ianya akan berakhir. Masa untuk berkhotbah dipendekkan. Yesus menunjukkan ekspresi Dia dalam tertekan. Secara umumnya, pelayanan adalah dalam masa sejam; tetapi banyak pelayanan yang menjadi kurang daripada sejam. Mereka terburu-buru untuk menghabiskannya. Yesus ingin menjelma dalam penkhutbah, tetapi pastor tersebut berkhotbah dalam kedagingan dan bukan dalam roh. Mereka lebih menghiraukan pengurusan masa daripada berkhotbah dalam roh. Dengan masa penyembahan dan pelayanan yang singkat, ramai pengkhotbah mempergunakan masa terluang untuk kegunaan peribadi, seperti makan malam, melawat dengan jemaat, dan menghabiskan masa dengan hal-hal remeh yang lain. Sesetengah pastor terganggu/tergoda dan tertipu dengan saudara-saudari seiman yang menarik., dan memberikan lebih perhatian diatas kecantikan mereka. Lebih lagi, sesetengah pastor tidak memberi layanan/hormat yang seimbang diantara ahli jemaatnya. Ahli yang kaya akan diberikan perhatian/hormat yang lebih daripada mereka yang tidak mempunyai duit. Pastor sebegini tidak meluangkan masa yang cukup dalam doa untuk kemuliaan Tuhan, tetapi mereka berdoa dengan acuh tak asuh/remeh-temeh, yang mana ini mengecewakan dan menghampakan Tuhan kita. Mesejnya tidak dipimpin oleh Roh Kudus. Mesej tersebut disediakan dengan kekuatan daripada pengetahuan dan kehendak daging pastor tersebut. Mesej yang bukan



daripada Roh Kudus akan menghasilkan khutbah yang pendek dan sia-sia. Pengkhotbah memilih untuk tidak dipimpin oleh Roh Kudus tetapi oleh kehendak jemaatnya. Yesus berkeinginan kuat mengurapi dan memanfaatkan pastor untuk kemuliaan Tuhan. Tetapi, apa yang pengkhotbah miliki, dengan kehendak mereka sendiri, menolak untuk mencari urapan Tuhan. Sekarang fikiran jasmani mereka menguasai roh mereka. Ramai pastor yang tidak dapat merasakan keinginan dan hati Tuhan. Tuhan teramat sedih. Bila memperbesarkan atau membina gereja, sesetengah pengkhotbah melakukannya untuk kemuliaan dan kesombongan mereka sendiri. Dalam hati mereka, bangunan tersebut adalah tugu peringatan mereka sendiri. Pastor jenis ini meluangkan masa yang sedikit dalam berdoa dan asyik dengan material di dunia ini.

Semasa Tuhan memberitahu saya mengenai semua ini, saya melihat riak kedukaan pada muka Dia. Walaupun ramai pengkhotbah bermegah dengan bangunan yang hebat tersebut, Syurga menganggap ianya tidak berharga. Cara Syurga lebih tinggi daripada apa yang ada didunia; apa yang seseorang rasa amat penting didunia mungkin berkait di Syurga. Yesus berkata kepada saya, "*Tidak semua pastor jahat, namun, yang tidak patuh/taat harus di displinkan. Jika mereka tidak bertaubat, Aku akan membuang mereka ke neraka. Di neraka mereka akan disiksa, dan sekejap lagi Aku akan membawa kau kesana, dimana kau akan melihat mereka yang sedang mengalaminya.*

Kemudian pada hari tersebut, saya memerlukan pertolongan daripada Tuhan untuk memahami sesuatu. Ada daripada orang yang percaya, yang mana telah menjadi Kristian untuk berdekad, memberitahu saya, bila seseorang itu mati, dia akan masuk samada Syurga atau neraka. Mereka mendakwa seseorang itu tidak dapat melawat Syurga atau neraka jika mereka masih hidup. Mereka kata itu tidak masuk akal. Mereka mengatakan bahawa gereja saya mempunyai banyak isu pada doktrin dan kepercayaan. Mereka akan membuat kenyataan yang sinis mengenai perjumpaan doa dan mencemuh masa yang sungguh lama bagi pertemuan tersebut. Mereka kemudian mengatakan bahawa Pastor Kim dan gerejanya sejenis pemujaan/sesat. Jadi saya berdoa, "*Tolonglah Tuhan, apakah jika benar gereja kami membuat pemujaan/sesat? Apakah yang akan terjadi pada keluarga saya?*" Tuhan menjawab, "*Apa yang sesat/pemujaan: Manusia mengkritik dan menghakimi satu sama lain kerana perbezaan mereka, mazhab mereka dan doktrin. Mereka melakukan dosa. Walaubagaimanapun, Aku amat berpuashati/senang dengan gereja kamu. Kamu dan ahli gereja yang lain berdoa tanpa henti sepanjang malam. Mereka yang menganiaya kamu dan mengatakan kamu sesat akan tahu bahawa Aku hidup dan Aku lah Tuhan. Kamu telah menerima karunia untuk menyembuhkan yang sakit dan berkemampuan untuk menghalau iblis. Kamu juga hidup dengan mengikuti Roh Kudus.*" Yesus menyambung, "*Manusia yang menghakimi dan mengkritik satu sama lain akan menerima penghakiman yang dahsyat/mengerikan. Jangan biarkan mereka menyesatkan kamu. Aku benar-benar tergerak oleh doa-doamu. Jangan bimbang. Aku akan melindungimu dan gerejamu. Walaupun ianya adalah hasratKu/keinginanKu untuk mendedahkan diriKu kepada umat-Ku dan mengaruniakan mereka dengan karunia roh, mereka tidak mencari Aku. Ramai yang tidak berdoa mengikut kehendak Ku.*" Saya bertanya kepadanya, "*Yesus, apakah yang akan terjadi kepada gereja kami?*" Yesus berkata, "*Kamu beruntung dipenuhi dengan kuasa Roh Kudus dan menerima karunia berbahasa roh tidak lama lagi. Api Kudus akan dirasai dan diterima oleh jemaat.*"

Sepanjang pelayanan yang cukup lama, Pastor Kim dengan khutbah yang berkuasa melalui kekuatan Roh Kudus. Mungkin ramai yang berandaian kami akan kekurangan tenaga kerana masa pelayanan

yang cukup lama, walaubagaimanapun, dengan khutbah yang tegas, pujian, nyanyian dan penyembahan yang berapi-api semuanya dilakukan dengan penuh kasih sayang inilah yang membuat kami penuh dengan tenaga dan dapat meneruskan sepanjang malam sehingga keesokkan harinya. Pada satu hari, pastor kami berkhotbah dengan penuh ketegasan sehingga mukanya menjadi merah. Semasa dalam khutbah, dimana ianya amat berkuasa dan penuh ghairah/bersungguh-sungguh, saya melihat visi takhta kemuliaan Allah Bapa. Allah Bapa menuangkan minyak urapan. Ianya kelihatan seperti Roh Kudus mengurapi pastor dengan api. Saya melihat Allah Bapa berterusan menuangkan api dan minyak urapan keatas pastor. Khutbah tersebut semakin berkuasa dan menyenangkan. Saya melihat Tuhan Yesus ketawa dengan sukacitanya. Tuhan menyuruh malaikat merakamkan semua peristiwa yang terjadi dalam pelayanan tersebut. Malaikat akui dan patuh.

Saya menanyakan kepada Yesus mengenai gereja diseluruh dunia, yang mempunyai banyak cawangan, sehingga ada yang di Korea. Ada yang mengatakan bahawa bilangan mereka banyak hasil daripada sejarah dan tradisi. *" Adakah mereka orang yang percaya seperti kami?"*, saya menanya Yesus. Yesus menjawab, *" Jika mereka percaya kepadaKu, semestinya mereka akan diselamatkan. Tetapi gereja tersebut merendahkan Firman Tuhan dengan mengahwinkannya dengan dunia."*

Semasa kami memperbincangkan mengenai gereja tersebut, dalam visi, saya ditunjukkan dengan raja iblis. Iblis yang jahat ini kelihatan khatir, gementar dan menjelma memberikan perhatian kepada rancangannya, bagi gereja tersebut. Yesus berkata, *" Ramai umat Tuhan jahil dengan iblis dan rohnya. UmatKu hidup tanpa memberikan pertimbangan kepada musuh; namun, iblis akan menghalang pekerjaanmu. Beradalah dalam keberanian."*

Kemudiannya, semasa saya berdoa bersebelahan dengan pastor, muncul seekor naga merah yang besar. Makhluk tersebut masuk melalui pintu depan. Ianya seperti setinggi langit. Ekspresi makhluk tersebut teramat marah. Ia mengoyang-goyangkan hidungnya. Naga tersebut berbicara, *" Aku cuba untuk memasuki tubuhmu. Berani kamu mencabar aku! Aku adalah raja neraka! Semua yang ada dineraka patuh kepada ku dengan ketakutan. Kau fikir kau siapa? Kau bukan sesiapa pun. Kau tidak berhak untuk mendedahkan identiti aku. Aha. Aku tahu kau siapa. Salah satu orang bawahanku baru memberikan maklumat mengenai kamu kepadaku. Sebelum ini, aku telah perintahkan orang bawahan aku untuk menyesatkan dan memimpin ramai orang ke neraka. Bagaimanapun, dia pulang dengan kegagalan. Bila aku menanyakan kepadanya kenapa dia gagal, dia mengatakan, " Raja ku, kamu mesti lihat dengan sendirinya kenapa ianya sukar untuk melakukannya. Saya ingatkan amat mudah untuk memimpin manusia agar membunuh diri. Namun, doa orang Kristian amat berkuasa." " Apakah yang kamu katakan?" Aku memarahi orang bawahanku. Aku harus pastikan akuan orang bawahan aku. Ianya adalah benar, ianya hampir mustahil untuk melawan doa-doa ini."* Walaupun naga tersebut menakutkan dan memarahi kami, kami selamat kerana Yesus melindungi kami. Naga tersebut menjerit dengan penuh kekejian dan kekasaran dan mengatakan, *" Aku telah disekat."* Yesus menjawab makhluk tersebut, *" Kemana kamu fikir kamu mahu pergi? Jangan menjadi kurang ajar dan kejam. Jika kamu menyentuh salah seorang daripada The Lord's Church, kamu akan dihukum dan BapaKu akan menyerang kamu."* Makhluk tersebut tertekan dan kemudian dia lenyap secara tiba-tiba. Yesus mengatakan, *" Naga itu di neraka cuba untuk menyesatkan kamu dengan mengatakan bahawa dia adalah raja segala roh iblis. Ini adalah pendedahan pertama makhluk tersebut. Dia selalu menghantar bawahannya ke bumi untuk melakukan percubaannya."*



Berdoalah dengan lebih tekun dan tanpa henti. Sentiasa dalam keadaan waspada, dan jangan bimbang, kerana Allah Tritunggal akan melindungi kamu."

Pastor Kim, Yong-Doo:

Hari itu hari Selasa, dan di luar sangat sejuk, dengan 15 di bawah sifar angin sejuk. Walaupun dengan cuaca yang sebegitu, 4 orang daripada ahli keluar untuk menginjil. Tetapi sebelum mereka keluar mereka dengan tekunnya mempersiapkan diri dengan doa dan kuasa Roh Kudus. Tuhan akan mengurapi mereka dengan Api Kudus. 4 orang ahli tersebut memperbincangkan mengenai rancangan untuk menginjil dengan lebih efektif dan lebih berjaya. Mereka tahu upah yang menanti mereka hasil daripada kepayahan/keletihan mereka membuat pekerjaan Tuhan. Mereka balik lewat, tetapi mereka penuh dengan sukacita. " *Pastor, kami tidak pernah sedar bahawa kerja penginjilan boleh menjadi sebegini menyeronokkan dan menggembirakan,* " kata mereka.

==== **HARI KE-11** ====


Kim, Joo-Eun:

Semasa saya bersungguh-sungguh berdoa, satu cahaya terang muncul didepan saya, dihadapan cahaya tersebut berdirinya Yesus. " *Joo-Eun, Aku menyayangimu. Berdoalah tanpa henti, berdoalah dengan tekun, berdoa dengan seluruh isi hatimu. Jangan pernah berhenti.* " Saya merasakan kehangatan dan saya dapat melihat Yesus dengan lebih jelas. Kemudian, baru saya tahu kenapa Yesus memberitahukan kepada saya untuk mengangkat tangan setinggi-tingginya. Bila saya melakukannya, saya dapat melihat Yesus dengan lebih jelas. Saya berkata kepadaNya, " *Wow, saya dapat melihat Engkau dengan lebih jelas, Tuhan. Saya menyukainya, Yesus. Terima kasih.* " Saya merasa baik jadi saya berhenti berdoa untuk seketika untuk menjiwai sorak kegirangan itu. Hanya seketika kemudian muncul iblis. Ianya lebih hitam daripada kegelapan. Saya usirkannya dalam nama Yesus, dan saya kembali berdoa dalam bahasa roh.



Lee, Yoo-Kyung:

Semasa saya berdoa dalam bahasa roh, iblis yang berbulu mata panjang muncul. Ia menangis, dan merayu kepada saya untuk mendengar apa yang ingin ia katakan. " *Ianya sejuk. Aku kesejukan. Ada ke tidak cara kamu membuat aku merasa kehangatan? Tolonglah ?* " Saya menjawab, " *Kamu iblis yang keji. Dalam nama Yesus lari daripada ku* "



Sister Baik, Bong-Nyo:

Hari ini, Yesus membawa saya ke Syurga. Tiada siapa pun yang dapat membayangkannya dengan apa kata pun. Kami berada dihadapan takhta Allah Bapa. Keagungan dan kemuliaan Allah Bapa sungguh hebat, saya tidak dapat mendongakkan kepala. Saya tunduk dihadapanNya. Intipati Allah Bapa tidak dapat diungkapkan. KeagunganNya luar biasa. Saya berusaha untuk mengangkat kepala saya untuk melihat secara sekilas Allah Bapa, tetapi kemurnian cahaya yang cerah itu menghalang saya daripada melihatNya. Allah Bapa adalah cahaya. Satu fikiran yang terhad tidak dapat memahami atau membayangkan kemuliaanNya. Kebesaran Allah Bapa kelihatan seolah-olah Dia meliputi ketinggian dan kedalaman Syurga. TakhtaNya kelihatan seolah-olah meliputi sehingga ke hujung Syurga dari timur ke barat. Terdapat pembentuk awan melayang di takhtaNya. Satu cahaya yang terang bercahaya lebih daripada terangnya matahari. Saya merasakan saya hanya debu saat berdiri di hadapan Tuhan.

Kemudian, pada ketika saya hendak meninggalkan Syurga, malaikat mengiringi saya pulang ke bumi. Semasa perjalanan kami pulang bertimbun roh jahat mengejar kami. Roh iblis tersebut kelihatan amat hodoh dan menakutkan. Walaupun malaikat yang mengiringi saya terbang dengan lajunya, roh iblis tersebut sama juga lajunya. Satu daripadanya adalah naga, satu lagi ular, terdapat juga kepala katak, dan yang satu berkepala manusia. Ianya ketawa semasa mengejar kami. Saya berkata kepada malaikat, "*Bolehkah kita lebih laju?*" Roh jahat tersebut telah berada dihadapan kami dan menghalang perjalanan kami ke gereja. Roh iblis yang lain yang dibelakang kami bersedia untuk menyerang. Malaikat berteriak, "*Tuhan, tolonglah datang sekarang.*" Sebaik saja malaikat tersebut berteriak, Tuhan menjelma dihadapan kami. Dengan suaraNya yang berkuasa dan perkasa, Dia memarahi roh jahat tersebut: "Berani kamu menyerang Anak-anakKu. Lari kamu, sekarang!" Dalam sesaat, roh iblis tersebut hilang.

==== HARI KE- 12 ====

Saudari Baik, Bong-Nyo:



Saya tengah berdoa dalam bahasa roh, dalam 30 minit berdoa saya melihat 5 malaikat terbang kearah saya. Saya memutuskan untuk menguji malaikat tersebut bagi memastikan samada mereka malaikat sebenar dan bukan roh iblis. Saya berterusan berdoa dalam bahasa roh. Saya melihat senyuman mesra pada muka mereka dan malaikat tersebut menunjukkan bahawa mereka adalah kawan dan saya berterusan berdoa dengan tekunnya dalam roh. Saya mengandaikan dengan ketekunan saya berdoa dapat memastikan malaikat tersebut adalah kawan. Walaubagaimanapun, dalam masa yang singkat, gaun mereka yang berwarna putih berubah menjadi hitam, dan sayap mereka lesap. Semasa mereka meliuk lentok dan berpusing. Saya berterusan bertenaga berdoa dalam bahasa roh, dan mereka mula jatuh ke atas lantai. Sebenarnya, karunia roh berdoa bahasa roh sangat

berkuasa dan hebat. Kemudian mereka meyerupai gergasi yang pernah saya lihat di filem. Kelihatan beberapa makhluk jahat, sangat dahsyat. Saya usir satu persatu dalam nama Yesus Kristus. Mereka lari. Setelah saya mengusirroh jahat tersebut, yesus datang dan berkata "*Bong-Nyo, inilah aku Tuhan mu, percayalah kepadaku!*" Bagaimanapun, suaranya menyeramkan dan kelakuannya pelik. Bila saja Yesus datang kepada saya, Dia lemah lembut, diam dan damai. Tetapi sekarang saya merasakan tergocak dan ketakutan. Saya merasakan bulu roma saya berdiri. Dengan segala keyakinan, saya jeritkan, "*Dalam nama Yesus, lari dari saya.*" Ia bertukar menjadi binatang pelik yang sangat hodoh. Ia menyerang saya, tetapi setelah beberapa kali menjerit barulah ia hilang.

Kemudian satu lagi roh menjelma. Kelihatan amat memikat. Saya berfikir, " Bagaimana wanita tersebut kelihatan sebegitu cantik?" Roh iblis tersebut lebih cantik daripada semua wanita yang ada didunia ini. Bentuk badan yang langsing, memakai pakaian suit seperti usahawan. Dia berjalan persis model dan dengan lemah lembutnya menghampiri saya. Dia tunduk untuk menyapa saya dan berkata, "*Telah berapa lama kamu menghadiri The Lord's Church?*" Saya tidak menghiraukan pertanyaan tersebut dan berterusan berdoa dalam bahasa roh. Dia berlutut disebelah saya., walaupun dia kelihatan anggun dan indah, badan saya terasa seram sejuk. Kemudian mukanya terbelah dua, dia bertukar menjadi satu mimpi yang buruk. Roh iblis tersebut menjerit, "*pergilah dan berdoa, tetapi ianya akan menjadi sukar. Aku tidak akan menjauhkan diri.*" Roh iblis tersebut tidak akan lari. Saya mendengar suara Tuhan, "*Bong-Nyo, jangan berhenti berdoa. Berdoalah dengan bersemangat. Aku akan menyekat dan menegur roh iblis itu.*" Tiba-tiba, roh iblis tersebut terbang ke udara dan bertukar balik menjadi seorang wanita yang jelita. Pada masa itu dia memakai gaun perkahwinan. Dia kelihatan amat menarik. Wanita tersebut terbang ke arah saya, mengerdipkan matanya yang besar dan bulat itu. Tuhan



berbisik ke telinga saya dan mengatakan, "*Berterusan berdoa dan perhatikan bagaimana wanita yang cantik itu akan berubah balik menjadi roh yang hodoh.*" Saya berterusan berdoa dengan bersungguh-sungguh seperti yang Tuhan perintahkan. Tidak lama kemudian, ia berubah kembali menjadi roh yang hodoh, dan dengan herdikkan ia lesap.

Tidak lama kemudian, Yesus menunjukkan saya tempat di neraka yang dikenali sebagai kawasan merah. Saya melihat satu bukit yang besar ditudungi dengan tubuh-tubuh. Tubuh manusia ditutupi dengan serangga kecil yang berwarna putih dan tangan mereka diikat. Tetapi manusia tidak membuat sebarang usaha untuk mengalihkan serangga tersebut. Serangga tersebut menembusi kulit mereka, lubang hidung, mulut dan telinga. Dengan keadaan serangga yang memakan tubuh mereka, manusia tersebut berubah menjadi bentuk yang amat hodoh, dan menjadi rangka. Mereka dalam kesakitan yang tidak terungkap. Saya mengatakan, "*Tuhan, kenapa mereka ini dalam penyiksaan yang cukup teruk?*" Yesus berkata, "*Wanita yang berada ditempat ini adalah mereka yang menjual tubuh mereka. Dan lelaki yang berada disini adalah mereka yang berzina dengan wanita tersebut.*" Ianya sungguh panas disitu, dan saya dalam keazaban, ingin segera meninggalkan tempat tersebut.

Kim, Joo-Eun:

Hari ini terdapat beberapa serangan daripada iblis, syaitan dan naga, tetapi dengan kuasa Yesus setiap daripadanya melarikan diri. Kemudian datang pula roh yang tidak mempunyai tubuh, secara faktanya mereka berbentuk seperti mata. Mereka berterusan berteriak, "*Jangan berdoa! Kami akan mengalihkan perhatian kamu.*" Mereka berulang-ulang menjerit. Menjadi semakin takut, saya jeritkan, "*Dalam nama Yesus, nyah kamu.*" Tetapi mereka masih juga disana, dan mereka mula membuat bunyi-bunyi yang pelik. Tidak lama kemudian Tuhan kembali dan mengatakan, "*Joo-Eun, jangan lihat atau dengar apa-apa melainkan daripada Aku.*" Dia menutup telinga saya dengan tanganNya dan berkata, "Joo-Eun, kamu boleh berbicara dengan Ku." Roh jahat bertempir dengan hadiratNya.

===== HARI KE- 13 =====

Kim, Joo-Eun:

Hari ini adalah penyerangan penuh daripada roh iblis. Semasa saya berdoa, saya dibawa ke satu tempat yang gelap, yang saya tahu adalah neraka. Saya perhatikan banyak roh jahat mengelilingi satu makhluk jahat yang besar. Makhluk besar ini kelihatan terkejut dan risau. Ia menjerit dan berjalan berulang-alik diseluruh arah, ia kelihatan bingung dan letih. Makhluk besar ini kelihatan seperti ketua bagi roh iblis yang lain, dimana jumlahnya tidak terkira. Roh-roh ini menunggu arahan daripada makhluk yang besar tersebut. Setelah arahan diberi, roh iblis yang tidak terkira tersebut akan terbang diudara dan muncul di gereja kami. Kelajuan mereka amat pantas; kurang daripada sesaat. Semua roh iblis tersebut menyerang ahli jemaat termasuk Meena, budak yang baru berusia 5 tahun. Tetapi bila dia menjerit dengan keras/tegas dalam bahasa doanya, "Babaya," roh iblis bersebelahan dengannya jatuh kebelakang. Serangan tersebut semuanya sekaligus melawan kami yang berdoa dalam bahasa roh. Semua roh iblis tersebut jatuh satu per satu. Syaitan menjeritkan satu arahan, "*Dengar, semua kamu. Serang Pastor Kim. Jika ketua mereka tumbang, yang lain akan dengan mudahnya kita kalahkan. Bodoh kamu, apa yang kamu tunggu lagi? Serang Pastor Kim dengan segala kekuatan.*"

Tiba-tiba, sejumlah besar roh iblis muncul dan menyerang Pastor Kim. Tetapi apa yang terjadi kemudian amat mengejutkan, banyak iblis yang menyerang terus jatuh. Roh iblis tersebut tercedera dan dikalahkan. Mereka ketakutan dengan apa yang terjadi secara tiba-tiba tersebut. Sekali lagi, roh iblis tersebut berusaha untuk menyerang, tetapi mereka dikalahkan dari setiap penjuru. Serangan tersebut berterusan, tetapi hasilnya tetap sama. Mereka tidak dapat menyentuh pastor. Bila roh iblis tahu serangan mereka tidak berguna, mereka menjadi takut dan cuba menghindari dia. Semuanya terapung-apung sekeliling dia dan tidak berani untuk mendekati pastor. Semasa saya perhatikan pastor, dia tidak sedikit pun perasan keadaan sekelilingnya. Dia dengan tekunnya berdoa dalam bahasa roh berlutut dengan suaranya yang seperti guruh. Kemudian iblis yang ketakutan tersebut terpelanting ke dinding dan pecah berderai. Mereka semuanya berteriak ketakutan. Ketika saya melihat roh-roh kejahatan tersebut melarikan diri, saya merasakan kejayaan tersebut dan ketawa kemenangan. Kemudian saya melihat roh iblis menjerit kemarahan, "*Pastor Kim, jangan berdoa. Adakah kamu fikir kami akan membiarkan kamu sebegini? Aku akan bunuh kau, aku bersumpah.*" Dengan mengertakkan gigi dan menjerit kearah syaitan yang lain, "*Kamu semua bodoh. Dengan segala kekuatan kamu, kamu tidak dapat mengalahkan seorang pastor? Cepat dan serang!*"

Kemudian iblis tersebut berteriak, "*Oh, pastor ini betul-betul membuat sakit kepala. Ahh, aku rasa aku mau gila dibuatnya. Tinggalkan Pastor Kim dan mari kita serang jemaatnya. Cepat.*" Roh Iblis mula menyerang ahli jemaat yang lain, tetapi bila mereka menyerang, mereka tidak menggunakan segenap kekuatan mereka. Mereka menyerang dengan hanya beberapa roh iblis untuk seorang jemaat, bukan dengan sepenuh pasukannya. Roh iblis berpecah dalam semua arah dan masa untuk menyerang setiap orang dalam jemaat tersebut. Terdapat berbagai jenis roh iblis dan mereka datang dalam berbagai bentuk dan rupa. Sukar untuk menggambarkan semua daripada mereka. Namun, bagaimana ganas pun mereka menyerang, mereka tidak berjaya untuk berbuat demikian. Doa dalam bahasa roh oleh ahli jemaat memberikan kekuatan dan kuasa untuk mengusir roh jahat. Bila mereka menyerang, serta merta mereka jatuh. Raja roh iblis berteriak, "*Orang The Lord's Church, berhenti berdoa. Kenapa kamu berterusan berdoa? Roh iblis, apa yang kamu semua buat? Tidakkah ada yang dapat memberhentikan mereka?*" Kesemua roh iblis tersebut lari huru-hara. Tidak kira berapa banyak roh iblis yang ada, kerana doa oleh ahli jemaat yang berani semua iblis dapat dikalahkan.

Kemudian pada malam tersebut, satu lagi roh iblis cuba untuk menyerang saya. Ia berkata, "*Berhenti berdoa. Aku akan mengacau dan mengganggu kamu supaya kamu tidak dapat berdoa. Aku akan menyumpah kamu dengan penyakit. Ha ha ha ha*" dengannya ia ketawa. Tetapi iblis tersebut dapat dikalahkan dengan nama Yesus.



Bahkan malam itu, semasa saya berterusan berdoa dalam bahasa roh, saya dibawa ke neraka. Saya berada di satu tempat dimana terdapat syaitan yang menusuk tombak yang panjang dan tajam kedalam kotak yang berbentuk persegi panjang.

Dengan bahasa kotor, ia berteriak, "*Kamu fikir kamu pastor? Apa jenis kehidupan yang kamu lalui? Dan aku amat gembira kau disini dengan ku.*" Roh iblis tersebut berterusan menikam kotak-kotak tersebut sambil menyumpah. Jeritan yang kuat dan penuh kesakitan datang dari dalam kotak tersebut, dan darah juga terkeluar daripada kotak tersebut. Saya perhatikan diatas kotak tersebut ditutupi dengan kanvas, satu salib besar tergambar diatasnya. Kotak tersebut disusun secara teratur dan memanjang tanpa penhujungnya. Saya tidak melihat dimana berakhirnya susunan tersebut. Saya baru sedar ianya adalah keranda. Roh iblis menusuk tombaknya yang panjang dan tajam tersebut ke lubang di keranda tersebut tanpa belas kasihan. Saya bertanya kepada Tuhan, "*Yesus, kenapa keranda bekas pastor ada disini?*" Yesus membalas, "*Pastor-pastor ini tidak mengkhutbahkan injilKu. Mereka mengkhutbahkan injil yang lain, dan mereka yang mengikuti pastor-pastor ini rosak akhlaknya. Dan hasilnya, mereka disini, neraka.*" Yesus berkata, "*Pastor yang rosak akhlaknya akan dihukum dengan lebih lagi.*"

Pada bahagian neraka yang lain, saya melihat manusia yang dalam penyeksaan, dibakar didalam kualiti yang amat besar, mereka berteriak, "*Panas. Ahh, tolong!*" Kualiti besar tersebut menjadi merah, dan bila minyak mengenai tubuh mereka, daging mereka akan hancur dan hanya tulang yang akan tinggal. Mereka berterusan melompat dengan kacau bilaunya. Kemudian, daging mereka akan

tumbuh kembali dan kejadian tersebut berulang-ulang tanpa penghujungnya. Saya bertanya kepada Yesus apa yang telah mereka lakukan. Yesus berkata, "*Semasa mereka didunia, mereka curang terhadap pasangan mereka. Mereka melakukan perkara tersebut secara sembunyi. Dan akibat dosa tersebut, mereka dalam penyiksaan.*"

Kemudian, Yesus menunjukkan kepada saya satu tempat yang berbeza di neraka, dimana disana ada satu lubang yang besar. Ianya penuh dengan manusia. Ramai yang sedang dijamah oleh api. Api yang panas kemerahan itu muncul seolah-olah ia hidup sendiri. Manusia berlari didalam lubang, menjerit akibat kepanasan yang luarbiasa tersebut. Yesus menjelaskan, "*Manusia ini percaya pada agama yang salah atau mereka yang menolak injil.*"



==== HARI KE- 14 ====

Kim, Joo-Eun:

Semasa saya tengah bersungguh-sungguh berdoa, dan kemudiannya roh iblis menyamar sebagai seorang wanita muda yang berpakaian gaun putih. Terdapat darah yang menitis dimulutnya. "*Jangan berdoa. Aku akan mengalahkan kamu.*" Saya menjawab, "*Kamu roh iblis yang keji, dalam nama Yesus, lari dari saya,*" dan dia terus lari.

Kemudian seekor naga merah yang amat marah menghampiri saya, dan banyak lagi roh iblis yang muncul. Bila masa saya dengan bersungguh-sungguh berdoa, saya merasakan ada roh yang lebih jahat menjelma. Peliknya, dalam masa yang sama, saya merasakan bahawa roh saya menghampiri Syurga. Roh iblis berusaha menghalang saya daripada memasuki Syurga dengan menakutkan saya, jadi saya dengan tekunnya berdoa dalam bahasa roh dengan mata saya tertutup. Saya cuba menghalau mereka keluar, tetapi naga merah tersebut masih ada. Saya harus berterusan mengherdik sehingga akhirnya ianya lari.

Tuhan datang, dan Dia kelihatan sangat mengkagumi saya, orang muda seperti saya menghalau roh iblis. Yesus memanggil saya dengan nama samaran saya dan nama sebenar saya, "*Joo-Eun, Si Bintik, iman mu telah meningkat dengan luarbiasanya, jadi berterusanlah berdoa dengan tekunnya dan dengan mata yang tertutup.*"

Saya memberikan perhatian semasa saya berdoa dan tiba-tiba saya merasakan kegelapan menyelubungi saya, udara dingin mula bertiup kearah saya. Saya melihat sebuah pintu terbuka di suatu jarak. Tiba-tiba, suatu cahaya yang terang muncul. Saya hampir membuka mata tatkala pancaran cahaya tersebut semakin kuat, tetapi saya menyedari bahawa saya tidak dapat membuka mata. Ketakutan segera menyelubungi saya dan kemudian Yesus muncul. Dia mula menjelaskan, "*Joo-Eun, bila kamu berdoa dalam bahasa roh, roh mu menghampiri Syurga dengan diiringi malaikat. Walaubagaimanapun, roh iblis muncul untuk menakutkan kamu supaya kamu membuka matamu. Tetapi Aku masuk campur dan memerintahkan roh iblis agar lari. Ini adalah*

mengelakkan kamu daripada membuka mata. Joo-Eun, Aku rasa kau perlu berdoa dengan lebih lagi. Aku rasakan kau tidak akan ke Syurga hari ini." Saya merasa amat kecewa. Yesus kemudian menenangkan saya dengan kata-kata peransang, *" Joo-Eun, jangan bimbang. Aku berjanji kepadamu bahawa Aku akan membawa mu ke Syurga dan menunjukkan mu keadaan sekeliling."*

Lee, Haak-Sung:

Yesus melawat saya dan mula menunjukkan kepada saya neraka. Dalam neraka, saya tiba ditempat dimana ada makhluk iblis yang sangat besar duduk diatas bangku. Postur dan sikapnya menunjukkan ianya raja pada kawasan tersebut. Terdapat satu pintu bumbung terletak pada lantai dihadapan makhluk tersebut. Manusia berdiri diatas pintu bumbung tersebut. Bila makhluk tersebut menghentakkan kakinya, pintu bumbung tersebut akan terbuka, menjatuhkan manusia ke lava gunung berapi. Serta merta manusia jatuh ke lava yang mendidih tersebut, mereka serta merta disambar api dan menjerit kesakitan. Saya bertanya kepada Yesus mengenai manusia tersebut dan Yesus menjawab, *" Mereka ini adalah peramal, pelanggan peramal, penyihir dan orang-orang yang membunuh diri."* Bila Tuhan mengatakan mengenai mangsa bunuh diri, pakcik saya, yang membunuh diri dengan memakan pil-pil berlebihan, muncul pada pandangan saya. Dia diheretkan ke pintu bumbung dan dipaksa berdiri. Makhluk tersebut mengangkat kakinya dan menghentakkannya untuk membuatkan pintu bumbung tersebut terbuka. Saya merayu kepada Tuhan untuk belas kasihNya, *" Tolonglah Yesus, pakcik saya dalam bahaya kerana akan jatuh ke lava tersebut. Bantulah dia! Tuhan, pakcik saya terlalu baik dengan saya. Pakcik, datanglah kesebelah saya, cepat."* Dengan riak muka yang sedih, Tuhan berkata, *" Haak-Sung, ianya telah terlalu lambat. Tiada apa yang boleh dilakukan."* Kemudian segera setelah itu, makhluk tersebut menghentakkan kakinya, pintu bumbung tersebut terbuka, dan pakcik saya, bersama-sama yang lain jatuh kedalam lava. Mereka semuanya menjerit.



Dikalangan manusia yang berada dikawasan tersebut yang diseksa ada juga mereka yang tidak tahu mengenai Tuhan-ramai daripadanya adalah sami Buddha, Kristian yang murtad, dan juga mereka yang menghadiri gereja kerana tujuan lain selain daripada Yesus.

Dikawasan neraka yang lain, Yesus mengatakan kepada saya, *" Haak-Sung, perhatian secara dekat."* Ramai manusia yang dikelilingi oleh ular yang besar dan kecil. Mereka semuanya diikat bersama-sama. Ular yang besar membelit kepala manusia sedangkan ular yang kecil membelit tubuh manusia tersebut. Ular yang kecil berterusan mematuk dan mengigit. Orang-orang berteriak kesakitan. Saya menanya Tuhan, *" Tuhan, jenis apakah dosa mereka ini?"* Yesus membalas, *" Mereka tidak pernah mempunyai iman yang sebenarnya dalam Aku. Mereka tidak mempercayai Aku dengan sepenuh hati. Walaupun mereka mengaku yang mereka percaya padaKu, pekerjaan mereka tidak seiringan apa yang mereka perkatakan. Mereka selalu berubah-ubah. Perangai*

mereka yang berubah-ubah mempengaruhi kedatangan mereka ke gereja. Mereka tidak sepenuhnya lahir semula. Kebanyakan mereka mati kemalangan, mereka tidak berdaya untuk bertaubat sepenuhnya. Haak-Sung, bahkan kamu juga memiliki pesonaliti yang berubah-ubah. Akan tetapi, perjalanan kekristiananmu seimbang."

Pada bahagian neraka yang lain, saya perhatikan seorang wanita menangis dengan kuatnya, " *Ini tidak adil! Saya tidak layak untuk hukuman ini. Kehidupan saya didunia adalah sengsara. Saya tidak dapat tahan lagi. Itulah sebabnya saya membunuh diri. Namun, kesakitan di neraka sungguh tidak tertahan jika dibandingkan dengan didunia. Kenapa kamu menghantar saya neraka? Ini tidak adil. Saya tidak pernah mendengar realiti mengenai neraka. Tidak adil bagi saya berada disini."* Dia mengatakannya berulang-ulang. Satu daripada makhluk iblis ketawa dan menjawab, " *Aku sepenuhnya menyesatkan kamu dalam membunuh diri. Kamu tidak tahu mengenai kebenaran. Kamu menghadiri gereja, tetapi tidak pernah mendengar mengenai Syurga atau neraka. Aku amat bimbang jika engkau memperelajari mengenai tempat ini. Walaupun kau pergi ke gereja, kamu masih juga membunuh diri. Dengan itu, ianya adalah adil kamu berada disini. Aku menipu dan menyesatkan kamu. Aku telah memenangi jiwa mu. Aku akan menunjukkan kamu pelajaran yang banyak untuk selama-lamanya."* Makhluk tersebut mula memukuli wanita itu tanpa belas kasihan. Jeritan dan rayuannya untuk belas kasihan tidak dijawab.

Yesus membawa saya balik ke gereja, dan saya menyambung kembali untuk berdoa dalam bahasa roh. Dia memberitahu saya, " *Haak-Sung, doamu daripada malam tadi hingga ke pagi ini lebih cekap dan berkuasa daripada sepanjang hari. Dengan itu, cuba berdoa lebih pada waktu malam daripada siang hari."*

Dia memberitahu saya untuk memerhatikan Dia dengan lebih dekat. Saya melihat Tuhan memakai mahkota duri di kepalaNya, dan saya melihat lubang ditapak tanganNya dan kakiNya. Terdapat darah mengalir dari setiap lukaNya. Saya terus bertaubat dan menagis saat melihat penderitaan Tuhan.

Setelah selesai saya berdoa, Tuhan membawa saya ke Syurga dan menyekat semua airmata saya. Saya harus melihat lautan Syurga, dimana ianya jelas laksana kristal.



Lee, Yoo-Kyung:

Selalunya roh iblis mengacau saya bila saya mula berdoa. Tetapi hari ini, Tuhan berjumpa dengan saya. Dia bukan saja muncul, tetapi Dia membawa saya ke Syurga. Yesus mengatakan, " *Kamu merasa senang hari ini, kan?* Saya menjawab, " *Ya, Tuhan. Saya merasa senang kerana tidak melihat roh iblis hari ini."*

Dalam Syurga, Tuhan membawa saya ke satu tempat yang tertinggi dan menunjukkan kepada saya Bumi. Bumi kelihatan kecil daripada jarak yang tinggi. Saya perhatikan Bumi berputar. Saya menanya Tuhan, " *Yesus, saya mahu tinggal di Syurga. Saya tidak mahu kembali ke bumi.* " Yesus menjawab, " *Masa kamu bukan sekarang. Kamu terlebih dahulu harus melayani Aku dan dengan rajinnya membuat kerjaKu. Pada masa yang ditetapkan, kamu akan datang kesini."* Tuhan dan

saya menghabiskan waktu berkualiti di Syurga. Kami banyak berjenaka dan ketawa. Kami mempunyai masa yang terbaik, dan saya amat menikmatinya. Kemudian, Tuhan dan saya kembali ke gereja.

Sister Baik, Bong-Nyo:

Saya berdoa, " Tuhan, kenapa Kau tidak memegang kepada janjiMu untuk memberkati kami dalam kewangan? Engkau melanggar janjiMu. Lihatlah kepada kami. Bila kami berdoa, kami berdoa dalam kesejukan kerana tidak mampu membeli pemanas. Bila kami berdoa, kami mengigil, dan kami harus selalu mengosok tangan kami untuk mengekalkan kehangatan. Saya tidak faham kenapa Engkau tidak memberkati kami. Kami tidak mempunyai apa untuk dimakan selain nasi dan kimchee..Keluarga pastor tidak memiliki wang dan keluarga saya juga tidak memiliki wang. Kami terpaksa berjuang... Bila kami berdoa sepanjang malam, kami kaku dan bengkok kerana duduk dalam posisi itu. Badan kami kesakitan dan kaku. Kami tidak mempunyai tubuh fizikal yang kuat kerana kurang makan makanan yang betul. Kenapa Engkau membiarkan kami berterusan sebegini? Tuhan, saya tidak tahan lagi" Saya merapik dan mengadu tanpa berfikir terlebih dahulu. Tetapi Tuhan dengan sabarnya mendengar setiap perkataan. Tuhan sememangnya sabar dengan saya. Dengan kata-kata semangat, Tuhan mula berbicara dengan lembut, "*Aku tidak kisah dengan aduanmu. Kita tidak seharusnya risau mengenai apapun.*"

Kemudian Dia mula menunjukkan kepada saya neraka. "*Mari kita bergerak. Sekarang, lihatlah pemandangan ini,*" Yesus berkata. Saya kemudian melihat seekor binatang yang besar, besar sama seperti bukit. Ia menyerupai buaya atau naga, dan ibu saya bersebelahan dengannya. Ia menggunakan lidahnya untuk membelit mangsanya, dan kemudian mengunyah dan menelan setiap orang. Saya menangis dan menangis. "*Bong-Nyo, bila kamu menangis, Aku dapat merasai keperitanmu. Bila hatimu berduka, hatiKu pun berduka. Bila engkau bersedih, Aku pun bersedih. Jika ibumu masih hidup, Aku akan membantumu. Namun, ianya telah terlambat. Jika engkau mahu mengadu dan marah, kau dipersilakan untuk melakukannya. Aku disini sedia untuk mendengar kepada setiap dukamu. Aku tahu engkau tertekan. Aku berkeinginan agar kau lepaskannya.*"



Kemudian, saya melihat bapa pastor di neraka. Satu makhluk jahat tengah berusaha melemparkannya kedalam periuk yang besar, yang mengandungi cecair yang gelap dan busuk. Saya bertanya kepada Tuhan, kenapa dia berada disini. Yesus menjawab, "*Dia sangat berdosa dan mendera isterinya. Dia suka minum minuman keras. Alkohol adalah idolanya. Ketagihan alkohol tersebut menjejaskan pekerjaannya, dan dia mengabaikan anak-anaknya. Anak-anaknya melalui kehidupan yang sukar. Sebagai hasilnya, dia akan merasai dan diseksa didalam cecair busuk ini selamanya.*" Bapa pastor mula menjerit, " Oh, saya telah melakukan banyak perkara yang buruk. Saya harap isteri saya telah menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat dan Tuhannya. Dia kemudian dapat memasuki Syurga. Semasa saya masih di dunia, saya berjudi dan mabuk setiap hari. Saya tidak pernah menjaga keluarga saya. Saya tidak pernah ambil tahu keperluan mereka. Isteri saya bekerja sepanjang hari untuk menyara anak-anak kami. Sayalah yang bertanggungjawab diatas segala

kesengsaraan dia. Dosa yang telah saya lakukan dulu, dibalas sekarang. Saya rela dikutuk. Tolonglah, bila kamu pulang ke dunia, beritahu anak bongsuku agar berterusan pergi ke gereja. Beritahu dia agar setia kepada Tuhan dan percaya." Dia juga mengkehendaki agar saya memberitahukan kepada anaknya supaya tidak menghadiri gereja dalam sia-sia. Mereka harus menjaga Hari Minggu kudus, bertaubat seikhlasnya, dan berjalan dengan Tuhan dengan setia sebagai seorang Kristian

Dia kemudian menyambung, " Saya dineraka dan disiksa. Neraka adalah penghujung yang muktamad, seksaan yang tiada penghujungnya. Tiada harapan. Tolonglah menginjil kepada saudara-saudaramu, dan keluarga supaya mereka mempunyai peluang ke Syurga."

Yesus dan saya berterusan mengembara melewati neraka. Kami tiba di satu tempat dimana saya perhatikan ramai orang seolah-olah mengisi langit neraka. Mereka daripada etnik yang berbeza, dan dipaku pada salib. Salib tersebut adalah kayu, dan mereka disalibkan sama seperti Yesus dahulu.



Saya menanya Yesus dosa apakah yang telah mereka lakukan, dan Dia menjadi dalam nada marah, " Mereka adalah orang yang selalu pergi ke gereja. Bahkan mereka juga membawa Alkitab ke gereja. Tetapi mereka menyembah dan berdoa dalam kesia-siaan. Mereka adalah penipu. Mereka hipokrit. Diluar gereja, mereka pemabuk dan perokok. Mereka tidak menjaga Sabat. Selesai perayanan digereja, mereka menikmati aktiviti liburan, seperti mendaki gunung dan sebagainya. Sesetengah daripada mereka ini adalah orang yang

memberikan pinjaman. Mereka akan memberikan pinjaman dan mengenakan kadar bunga yang sangat tinggi. Mereka menjadi kaya dengan mengenakan bunga yang tinggi. Ramai keluarga yang tidak mampu membayar bunga tersebut dan menjadi miskin/bankrup. Keluarga berpecah belah hasil daripada tekanan kewangan. Hati dan aksi mereka keduniaan, walaupun kata-kata mereka mengatakan mengenai iman. Jika mereka berjalan seiringan dengan iman dengan segenap hati dan kekuatan mereka, mereka dapat memasuki Syurga. Mereka tidak dapat dilahirkan semula hasil daripada ketidaksetiaan mereka. Mereka tidak lahir semula, samada dengan air atau Roh Kudus. Mereka mengikuti tradisi lebih daripada Tuhan. Aktiviti keduniaan mereka lebih penting dan mengambil lebih keutamaan daripada Tuhan. Perbuatan mereka tidak mencerminkan iman yang sebenar. Mereka melayani dengan iman yang separuh." Segera setelah itu, semua orang dipaku pada kayu salib yang ditutupi dengan serangga, kecil dan besar, memamah daging mereka. Ini adalah azab penyeksaan. Mereka juga dibuatkan batang berduri yang dikenali ivy dan dikalungkan dileher mereka. Yesus memberitahu saya proses ini akan diulang dan diulang selama-lamanya. Tuhan sungguh berkeras dan sungguh jelas mengenai peringatanNya. Dia kemudian meminta saya untuk melihat orang-orang yang percaya dalam sia-sia.

Saya gementar ketakutan, Tuhan dengan lembutnya berbicara dengan saya, " Bong-Nyo, kamu ketakutan. Cukup untuk hari ini, mari kita pergi. Bong-Nyo, kamu telah saksikan keluarga kamu dalam seksaan. Telah banyak untuk ditangani. Kamu telah banyak menangis. Aku berharap dapat menenangkanmu dan menghiburkanmu. Bila kita tiba di Syurga dan masuk ke gereja, Aku mahu engkau berdoa dan perhatikanlah penyembahannya." Gereja Tuhan di Syurga megah bersinar dengan cahaya yang terang. Cahaya bersinar merangkumi seluruh langit Syurga. Ianya

benar-benar luarbiasa dengan banyak sekali malaikat-malaikat dan orang-orang kudus.

==== HARI KE- 15 ====

Kim, Joo-Eun:

Semasa saya berdoa dengan bersungguh-sungguh, satu visi muncul dihadapan saya. Ianya seorang lelaki tengah menonton televisyen dirumahnya. Semasa di menonton TV, satu roh iblis yang hodoh keluar daripada TV tersebut dan masuk ke tubuhnya. Lelaki tersebut tidak menyedari perkara tersebut akibat daripada menonton TV. Kemudian visi saya beralih ke kafe internet. Dipenuhi oleh orang-orang melayani internet dan bermain permainan komputer 24 jam sehari. Tempat tersebut dipenuhi dengan banyak permainan. Seorang lelaki memberikan sepenuhnya tumpuan terhadap permainan komputer tersebut. Dia mungkin telah bermain selama berjam-jam, matanya merah. Tiba-tiba, roh jahat yang berbentuk tulang rangka keluar daripada skrin komputer dan memasuki tubuh lelaki terbabit. Dengan roh iblis berada didalam tubuhnya, lelaki tersebut semakin ketagih dan bermain dengan bersungguh-sungguh. Setelah memerhatikan semua ini, saya berkeputusan akan lebih berhati-hati dengan apa yang saya tonton dan buat di Internet.



Kemudian saya perhatikan roh iblis yang berbentuk bulan separuh. Dengan suara yang menghasut, ia berkata, "*Biarkan aku pergi ke kafe internet.*" Dan dalam satu visi, saya melihat roh iblis ini menuju ke kafe internet. Roh iblis tersebut menghampiri seorang lelaki yang kelihatan ketagih bermain permainan komputer, ia berkata, "*Memandangkan kamu sangat gian dengan permainan tersebut, aku akan memasuki tubuhmu.*" Ia kemudiannya memasuki tubuh lelaki tersebut. Banyak roh iblis ketagihan mengganggu orang di kafe internet. Bahkan terdapat juga orang kudus yang jatuh ke perangkap ini. Mereka menghabiskan masa yang sedikit dalam berdoa dan lebih banyak masa dengan komputer. Mereka adalah orang gereja yang berdedikasi yang jatuh kedalam ketagihan menonton TV dan internet.



Sebagai hasilnya, kehadiran mereka ke gereja dan kehidupan rohnya berkompromi. Roh iblislah bertanggungjawab menarik orang-orang tersebut. Mereka ini tidak tahu dan buta dengan kebenaran yang roh iblis inilah yang membuat mereka ketagih. Saya juga melihat satu visi yang menunjukkan roh iblis tersebut keluar daripada TV dan masuk ke tubuh manusia.

Kemudian, pada malam tersebut, semasa saya berterusan berdoa, banyak roh jahat yang masih cuba untuk melawan saya. Satu roh iblis menjelma dihadapan saya dalam bentuk singa. Ianya amat menakutkan, dan saya mula bergetar. Ia berkata, "*Aku akan membawa kau kebilik di neraka.*" Saya menjerit, "*Apa yang kau cuba katakan? Kamu iblis yang keji, dalam nama Yesus Kristus, lari.*" Kemudian ia pun lari.

Tanpa sempat berehat, satu lagi roh iblis muncul. Saya berkata kepada diri saya sendiri, "*Kenapa banyak sangat roh iblis yang muncul hari ini?*" Yang peliknya, roh iblis tersebut berjalan dengan gaya yang lucu, seperti itik. Saya tidak dapat menahan diri daripada ketawa. Roh iblis tersebut marah

dan menjerit, "*Kenapa kau ketawa. Jangan ketawa.*" Setelah dengan teguran yang kuat, ia terus lari.

Kemudian satu lagi roh iblis, dalam bentuk perempuan muda memakai gaun berwarna putih. Dia mempunyai taring seperti drakula (pontianak), dengan darah yang menitis jatuh dari mulutnya. Dia cuba untuk mengalihkan perhatian saya daripada berdoa, jadi saya menyeru Yesus untuk pertolongan, dan dia lari dengan riak muka yang penuh kesakitan.

Lee, Haak-Sung:

Hari ini terdapat beberapa roh iblis yang menyerang saya. Yang pertama kelihatan seperti *bulldog*, ia memiliki penampilan yang tidak menarik. Saya dapat menghalaunya dengan nama Yesus. Roh iblis yang kedua mempunyai penampilan muka manusia yang cukup hodoh, dengan sebelah mukanya terbakar. Saya memanggil Yesus dan Tuhan muncul. Dalam masa Yesus menghampiri saya, iblis tersebut lari. Tetapi saya perhatikan Yesus berdarah. Dia berdiri dalam keheningan dan berdarah dihadapan saya. Saya tidak dapat membayangkan Tuhan kehilangan betapa banyaknya darah. Darah keluar daripada semua bahagian dikepalaNya. Ia kelihatan tanpa penghujungnya. Saya menangis dengan kuatnya. Tuhan menopangkan tanganNya kearah saya untuk menunjukkan pergelangan tanganNya. Saya melihat lubang dimana paku telah dipakukan kepada Dia dahulu dan dari situlah darahNya deras mengalir. Tuhan berkata, "*Haak-Sung, kamu melakukan pekerjaan menginjil yang sungguh baik hari ini. Kamu juga membuat kerja pembersihan yang baik digereja hari ini.*" Dia kelihatan amat berbangga dengan keupayaan saya dan berterusan memuji saya, "*Haak-Sung Ku, semasa kamu menginjil, kamu memimpin dan merawat saudara dan saudari seiman. Cuaca amat sejuk, tetapi kamu melepasi segala keadaan tersebut. Kamu melakukan tugas yang cukup baik. Dan Aku sangat berbangga denganmu.*" Dia kemudian memeluk saya.

Bila saja Yesus beredar, 4 roh menyerang saya sekaligus. Satu daripadanya berkata, "*Jangan berdoa. Berhenti. Kamu tidak boleh berdoa.*" Roh yang lain bergerak dengan pantas dari satu sisi ke satu sisi, dalam usaha untuk membuat saya keliru dan terganggu. Saya menumpukan sepenuhnya perhatian saya supaya tidak hilang fokus, dan saya menjerit sekuat hati saya. Hasilnya, semua roh iblis tersebut lari.

Kemudian, Yesus membawa saya ke neraka. Saya ditunjukkan satu tempat yang terdapat ramai manusia yang menjerit dan melolong kesakitan, didalam periuk panas yang sangat besar. Diluar periuk tersebut, terdapat roh iblis yang tidak terhitung banyaknya berjalan dan terbang disemua arah. Yesus mengatakan, "*Haak-Sung, jangan takut. Roh iblis yang banyak itu tidak dapat membuat apa-apa padamu selagi Aku bersamamu disini dan melindungimu. Ini adalah tempat seksaan periuk yang mendidih. Tempat ini adalah untuk mereka yang ketagih arak dan ketagih merokok.*" Semasa orang memasuki cecair yang mendidih tersebut, daging mereka luluh. Yang peliknya, terdapat api didalam periuk tersebut. Setelah menunjukkan kepada saya pemandangan tersebut, Yesus membawa saya pulang ke gereja.

Lee, Yoo-Kyung:

Satu demi satu, roh iblis yang tidak terhitungnya cuba mengganggu dan mengalihkan perhatian saya. Saya mengherdik mereka semua. Kemudian, Yesus muncul dengan memakai jubah yang bersinar terang. " Yoo-Kyung, mari kita ke Syurga." Semasa kami tiba di Syurga, malaikat mengalu-alukan kedatangan kami dan Yesus membawa saya ke sebuah bilik yang dipenuhi dengan buku. Dia mahu saya menjelajahi dan membawa koleksi buku-buku tersebut, dalam pelbagai subjek yang berbeza. Buku tersebut semuanya diperbuat daripada emas, dan dengan elegannya tersusun dirak.

Bersambung di Buku #2

Pengesahan kesaksian oleh Pastor Michael Park, AMI Mission Church USA, (714) 537-3397, Email: amisbuso ([@]) sbcglobal.net

Sebagai seorang pastor, saya telah membaca banyak buku mengenai peperangan rohani. Saya menggunakan ini untuk dikhutbahkan, untuk mengajar dan dipergunakan dalam kehidupan seharian dan untuk misi ke pelbagai negara. Bila kali pertama saya mendengar mengenai buku Baptize by Blazing Fire, saya fikir ianya hanya satu daripada buku "tersebut"dengan tajuk yang berbeza. Namun, setelah membaca buku tersebut, saya menyedari konsep lama saya mengenai peperangan rohani adalah salah sama sekali dan saya telah menutup mata rohani saya. Saya telah membaca kesemua 5 siri buku oleh Pastor Kim iaitu Baptize by Blazing Fire. Terdapat banyak buku mengenai peperangan rohani yang dijual di kedai buku Kristian diseluruh dunia. Kebanyakan penulis adalah berdasarkan kepada pengalaman mereka sendiri serta menyertakan sekali teori secara Alkitabiah. Ianya amat sesuai untuk menggunakan prinsip Alkitabiah untuk menentang roh syaitan dan kuasa-kuasa kegelapan. Namun, Baptize by Blazing Fire amat berbeza. Yesus menjelma di gereja kecil ini secara peribadi dan membuka mata roh setiap ahli gereja tersebut. Bila mata roh mereka terbuka, mereka dapat melihat Yesus dan iblis. Tuhan mengajar mereka bagaimana melawan dan memerangi iblis dan roh-roh jahat semasa boleh melihat mereka. Ianya amat menarik dengan mengetahui betapa mudahnya untuk memerangi roh iblis bila mata roh kita terbuka. Terdapat banyak roh iblis yang menyebabkan penyakit, berfikiran jahat, perpecahan dalam keluarga, pembahagian gereja, dan banyak lagi. Pembacaan saya mengenai perkara tersebut mendorong saya untuk melawat ke gereja The Lord's Church di Korea, dimana saya berkesempatan melakukannya baru-baru ini. Saya menerima aluan kedatangan yang penuh kehangatan daripada Pastor Kim, Yong-Doo dan jemaatnya. Keraguan saya mengenai apa yang tertulis dibuku tersebut mengering seperti wap tatkala saya berbicara dengan Pastor Kim, mereka yang datang melawat, dan orang-orang muda disana. Apa yang mengagumkan saya adalah, gereja tersebut penuh dengan pendoa syafaat bermula 9.30mlm hingga ke 5.00pagi, setiap hari, 365 hari setahun. Mereka terlibat dengan doa syafaat. Setiap malam terdapat penyembahan yang cukup mengagumkan, tarian roh, khutbah, urapan api, dan banyak lagi doa. Saya menyaksikan Pastor Kim dibawa ke neraka oleh Tuhan seawal fajar setiap hari. Tuhan Yesus mahu dia mengalami kesengsaraan dan seksaan di neraka kerana Tuhan mahu dia memberitahukan kepada seluruh dunia bahawa neraka itu nyata. Dia juga dibawa ke Syurga banyak kali. Tuhan sedih kerana pada hari ini banyak gereja yang tidak mahu mempercayai neraka, dan dengan hanya mengambil mudah saja. Buku yang luarbiasa ini harus dibaca oleh semua Kristian. Baptize by Blazing fire akan mendorong kamu untuk melepasi peperangan rohani disamping itu juga ianya akan memberikan kamu rasa pendahuluan yang indah mengenai Syurga. Gereja saya berusaha untuk menterjemahkan buku-buku Pastor Kim dalam bahasa Inggeris. Ianya akan menjadi satu kebaikan bagi semua Kristian diseluruh dunia dan memberi mereka peluang untuk menterjemahkannya kepada bahasa mereka sendiri.